



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Garis Panduan **PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN EKSKLUSIF PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Hak Cipta Terpelihara
© Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2023.

ISBN : 978-629-7548-14-2



Diterbitkan oleh:
Bahagian Kurikulum,
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti,
Aras 4, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

**PENASIHAT UTAMA GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM EKSKLUSIF PELAJAR ORANG KURANG UPAYA
(OKU)**

**PROF. EMERITUS DATO' IR. TS. DR. ZAINAI
BIN MOHAMED**



Sekalung Budi

Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada

YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari Bin Ismail
Ketua Pengarah

Encik Mohd Noor Bin Shahudin
Pengarah Kanan Akademik

Dr. Zamzam Bin Mohd Walid
Pengarah Bahagian Kurikulum

SIDANG REDAKSI

Ketua Penyelaras
LAr. Rohaniah Binti Mohd Nor

Penolong Penyelaras
Nurul Awanis Binti Muhammad
Dr. Shahiza Binti Ahmad Zainuddin

Ketua Editor
Siti Nor Shidah Binti Koster

Penolong Editor
Nurfadzlina Binti Jamaluddin
Zulhairie Adni Bin Abdul Halim
Norazila Binti Suboh

PENULIS

UNIT 1 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

Wan Fadlina Binti Wan Husain I Norfarhani Binti Zakaria I Nur Asma Binti
Darus I Irna Jannah Binti Mohamad

UNIT 2 : PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

Siti Nor Shidah Binti Koster I Nurfadzlina Binti Jamaluddin I Rabiatul
Adawiyah Binti Ismail

UNIT 3: PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Konsep Pelaksanaan

Dr. Shahiza binti Ahmad Zainuddin I Nurul Awanis Binti Muhammad I
Norazila Binti Suboh I Fazliatunisak Binti Kamarudin

Kurikulum

Nurfadzlna Binti Jamaluddin I Zulhairie Adni Bin Abdul Halim I
Mohd Hanif Bin Khairuddin I Royanna Binti Mohamad Suka

PdP dan LI

Ts. Nor Ashikin Binti Ismail I Nurul Damia' Binti Abdul Ghafur I Saripah
Binti Kasim I Ts. Azwin Binti Ahmad I Aini Faizah Binti Alias

UNIT 4 : PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR

Nadia Binti Rajat I Nurul Hananie Binti Mazlan I Siti Fadzlina Binti Mohamad
Asri I Masrulanita Binti Mohamed

UNIT 5 : PEMILIHAN PELAJAR

Fazmima Binti Jaafar I Norlizam Bin Rajulan@Hj Salam I
Khalsa Afariza Binti Mohd Apami @ Mohd Affami I Nurul Johanna Binti
Jemain

UNIT 6 : STAF AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK

Nor'akma Binti Osman I Norashikin Binti Anjur I Saripah Binti Kasim I
Mohd Hilmi Husaini Bin Omar

UNIT 7 : SUMBER PENDIDIKAN

Muhammad Anas bin Mohammad Sayuti I Nur Liyana Binti Khalid Khan I
Mohd Ghanim Bin Ghazali I Dr. Maziidah Binti Ab Rahman

UNIT 8 : JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN

Wan Fadhilah Bin Wan Hitam I Nik Afiqah Binti Kamil I Shahidah Binti
Abdul Malek I Mahaletchumy A/P Krishnamoorthy I Mohd Imran Bin Hassan

Semakan Bahasa

Rohaniah Binti Mohd Nor
Noor Afziha Binti Ngarisan
Siti Nur Shahida Binti Md. Aziz

Pereka grafik

Mohd. Adil Hakam Bin Osman
Mohd Nor Aqmal Bin Razali

Pihak JPPKK ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang idea serta kepakaran dalam membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU). Penghargaan ini ditujukan khasnya kepada:

Professor Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed (Universiti Teknologi Malaysia), **Puan Paizah Binti Zakaria** (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia), **Puan Wan Fadlina Binti Wan Husain** (Bahagian Pembangunan Kerjaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan **Puan Yeo Swee Lan** (Jurulatih TOT *Job Coach*, Enabling Academy)

Serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.



ISI KANDUNGAN


DAFTAR SINGKAT

SEKAPUR SIREH KETUA PENGARAH

KATA ALU-ALUAN PENGARAH KANAN AKADEMIK

KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN KURIKULUM


1. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA	1
1.1 TUJUAN GARIS PANDUAN	2
1.2 PENGENALAN OKU DI MALAYSIA	2
1.3 SEJARAH PENAWARAN PROGRAM PENDIDIKAN OKU DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI	4
1.4 PERANAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)	6
2. PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU	8
2.1 PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU	8
2.2 KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR (OKU)	9
3. PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF	15
3.1 KONSEP PELAKSANAAN	15
3.2 REKABENTUK KURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN EKSKLUSIF PELAJAR OKU	15
4. PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU	44
4.1 PRINSIP	44
4.2 REKA BENTUK PENTAKSIRAN	46
4.3 KAEDAH PENTAKSIRAN	46
4.4 PELAKSANAAN	47
4.5 PENGGREDAN DAN PEREKODAN	49
5. PEMILIHAN PELAJAR OKU	50
5.1 LALUAN KEMASUKAN PELAJAR OKU	51
5.2 KEMASUKAN PELAJAR OKU	52
5.3 SYARAT KEMASUKAN PELAJAR OKU	53
5.4 UJIAN SARINGAN	54
5.5 KAEDAH PERMOHONAN	54





ISI KANDUNGAN

6. STAF AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK	55
6.1 SYARAT KELAYAKAN PENSYARAH	55
6.2 KELAYAKAN IKHTISAS	56
6.3 KELAYAKAN TAMBAHAN	56
6.4 NISBAH TENAGA PENGAJAR KEPADA PELAJAR OKU	56
6.5 PEMBANTU PELAJAR OKU	57
6.6 PEMBANTU PENGURUSAN PdP	57
6.7 NISBAH PEMBANTU PELAJAR OKU DAN PENGURUSAN PdP	57
7. SUMBER PENDIDIKAN	58
7.1 FASILITI PENDIDIKAN OKU	58
7.2 PEMATUHAN	61
7.3 PEMBELAJARAN DIGITAL	62
7.4 SUMBER RUJUKAN	63
8. JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN	64
8.1 KEPIMPINAN JAMINAN KUALITI	64
8.2 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)	64
8.3 PEMBANGUNAN KAPASITI BERKAITAN JAMINAN KUALITI	64
8.4 PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)	65
8.5 AKREDITASI	66
8.6 BADAN PENGIKTIRAFAN	66
RUJUKAN	68





DAFTAR SINGKAT

BK	Bahagian Kurikulum
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KSSMPK	Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas
LD	<i>Learning Disabilities</i>
MBPK	Murid berkeperluan pendidikan khas
OKU	Orang Kurang Upaya
PB	Penilaian Berterusan
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
Polycc	Politeknik dan kolej komuniti
PPEP OKU	Program Pendidikan Eksklusif Pelajar OKU
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SAKK	Sijil Asas Kolej Komuniti
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKP	Sijil Kemahiran Politeknik
SPK	Sistem pengurusan kualiti
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>



SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Usaha cemerlang Bahagian Kurikulum (BK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sebagai salah satu institusi peneraju *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) negara dalam menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) adalah satu usaha yang murni kepada golongan OKU. Ini bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Diharap agar garis panduan ini menjadi rujukan penting dalam usaha pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar OKU dan diiktiraf di mata dunia.



Syabas kepada pihak Bahagian Kurikulum dan mereka yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga usaha murni semua diberkati Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



YBrs. Dr. Haji Mohd. Zahari bin Ismail
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan
Kolej komuniti

KATA ALU-ALUAN PENGARAH KANAN AKADEMIK

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, tahniah kepada penyelaras Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu Bahagian Kurikulum. Garis panduan ini adalah merupakan salah satu usaha murni untuk menjadikan garis panduan sebagai rujukan dan panduan dalam Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Pelajar Orang Kurang Upaya di politeknik dan kolej Komuniti khususnya dan di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta industri yang terlibat secara amnya. Di samping itu juga, garis panduan ini bertepatan bagi menyelia dan menyelaras jaminan kualiti eksklusif di peringkat pendidikan tinggi kerana tiada garis panduan eksklusif khas lain di Malaysia.

Diharapkan garis panduan ini memberi manfaat kepada seluruh warga politeknik dan kolej komuniti dalam usaha memantapkan pendidikan eksklusif pelajar OKU. Syabas Bahagian Kurikulum.

Sekian, terima kasih.

Mohd Noor Bin Shahudin
Pengarah Kanan (Akademik)
Jabatan Pendidikan Politeknik
Dan Kolej Komuniti



KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN KURIKULUM

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) ini berjaya diterbitkan. Saya bagi pihak Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti ingin merakam ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Teknologi Pertanian dan Unit Pengajian Perkhidmatan, Bahagian Kurikulum dan semua yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Garis panduan ini dibangunkan kerana tiada garis panduan untuk pelajar eksklusif yang khusus bagi menyelia dan menyelaras jaminan kualiti eksklusif di peringkat pendidikan tinggi.

Semoga dengan adanya garis panduan ini, menjadi rujukan dalam pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (PPEP OKU) yang dilaksanakan di politeknik dan kolej komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan industri yang terlibat di mana program ini adalah kesinambungan kepada akses pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

Dr. Zamzam Bin Mohd Walid
Pengaruh Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik
dan Kolej komuniti



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

Pendidikan merupakan salah satu sektor yang melibatkan peruntukan yang besar kerana jumlah kanak-kanak dan belia di Malaysia adalah tinggi. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menganggarkan kanak-kanak berumur bawah 18 tahun adalah berjumlah 9.13 juta iaitu 28% daripada penduduk di Malaysia manakala golongan belia pula dianggarkan berjumlah adalah 9.6 juta orang. Selaras dengan itu, data yang diperoleh daripada Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), bilangan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKJ berjumlah 103, 266 orang (sehingga 31 Disember 2022) adalah tergolong dalam golongan belia.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah sebahagian daripada sektor pendidikan di Malaysia. Pelbagai inisiatif diambil oleh KPT dalam menyediakan pendidikan secara berterusan termasuk kepada golongan OKU. Pendidikan berterusan ini adalah perlu untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sementelahan itu, KPT telah mengeluarkan Garis Panduan Dasar Inklusif OKU di IPT bagi memastikan OKU dapat menjalani pengajian dengan baik dan seterusnya dapat menyertai sektor pengajian dengan jayanya. Dalam hal yang sama, politeknik dan kolej komuniti (Polycc) menerima kemasukan pelajar OKU bagi program inklusif dan eksklusif yang dikenali sebagai Sijil Kemahiran Politeknik (SKP) bagi politeknik dan Sijil Asas Kolej Komuniti (SAKK) bagi kolej komuniti. Namun begitu, pelaksanaan sedia ada di JPPKK bagi pelajar OKU adalah pelaksanaan sijil yang tidak dikhususkan, tiada tahap dan tidak diakreditasi.

Polycc merupakan salah satu institusi TVET yang menyediakan latihan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional seperti bidang elektrik, mekanikal dan juga bidang lain yang berkaitan bagi memenuhi permintaan tinggi keperluan industri. Justeru, tenaga kerja mahir sangat diperlukan terutama menjelang Revolusi Industri 4.0. Dengan itu, Polycc turut menyediakan pelajar OKU dengan kemahiran sesuai keupayaan untuk bekerja di industri dan juga menyambung pengajian.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

1.1 TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan dalam pelaksanaan Program Pendidikan Eksklusif Pelajar (PPEP) OKU yang dilaksanakan di Polycc, KPT dan industri yang terlibat di mana program ini adalah kesinambungan kepada akses pendidikan tinggi yang disambut daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah. Selain itu, jalinan kolaborasi antara institusi dengan pihak berkepentingan juga dapat diperkukuh serta ditambahbaik dalam menjaga kebajikan pelajar OKU. Pada masa kini, di Malaysia, masih tiada garis panduan eksklusif khas pelajar OKU untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti eksklusif di peringkat pendidikan tinggi. Justeru, garis panduan ini juga dibangunkan bagi penyelarasan di peringkat jabatan untuk mendapat akreditasi dan pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagaimana pelajar OKU dalam Program Pendidikan Inklusif.

1.2 PENGENALAN OKU DI MALAYSIA

Malaysia telah memperkenalkan Akta Orang Kurang Upaya 2008, iaitu untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan akta ini, OKU adalah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan memberi kesan dalam masyarakat.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

1.2.1 DEFINISI OKU

Orang kurang upaya (OKU) adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Ini disebabkan oleh sesuatu kekurangan atau keadaan lemah, sama ada dari segi fizikal atau mental atau dari segi emosi, sama ada ia berlaku semenjak dilahirkan atau kemudian dari itu (Dasar Orang Kurang Upaya, portal rasmi JKM).

1.2.2 KATEGORI OKU

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengklasifikasikan OKU kepada tujuh (7) kategori ketidakupayaan seperti pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : 7 Kategori OKU

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

1.3 SEJARAH PENAWARAN PROGRAM PENDIDIKAN OKU DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI


Penawaran program pendidikan OKU secara sepenuh masa di Polycyc dikhususkan kepada pelajar OKU dan ianya tidak dihadiri oleh pelajar lain dalam kelas yang sama. Program ini adalah rentetan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bersetuju untuk memenuhi permohonan Persatuan Pendidikan Khas Wilayah Persekutuan (pada Disember 2000) bagi menubuhkan program vokasional untuk murid-murid pendidikan khas yang telah tamat persekolahan berdasarkan Keputusan Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil.1/2001.



Rajah 1.2: Sorotan Penawaran Sijil Kemahiran Politeknik dan Sijil Asas Kolej Komuniti

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

Program pendidikan OKU di politeknik dikenali sebagai Sijil Kemahiran Politeknik (SKP) ditawarkan kepada murid berkeperluan khas kategori kurang upaya pendengaran dan pertuturan. SKP mula ditawarkan pada Jun 2000 dengan penawaran program Sijil Kemahiran Penyenggaraan Mekanikal (KJA) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Sehingga tahun 2023, SKP telah diperluaskan kepada 5 program yang ditawarkan di 5 buah politeknik seluruh Malaysia dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Mekanikal, Pelancongan dan Hospitaliti dan Reka Bentuk Kreatif seperti pada Rajah 1.3.



Rajah 1.3: Senarai Program Sijil Kemahiran Politeknik

Program pendidikan OKU di kolej komuniti dikenali Sijil Asas Kolej Komuniti (SAKK) pula mula ditawarkan mulai Januari 2007 di Kolej Komuniti Selayang dengan penawaran program Sijil Operasi Perhotelan (SOP) kepada pelajar kategori kurang upaya pendengaran. Pada Julai 2013, selaras dengan agenda pemerkasaan kolej komuniti, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), telah memperluaskan penawaran program Sijil Asas ini kepada 6 program yang ditawarkan di 6 buah kolej komuniti memfokuskan kepada kategori pelajar kurang upaya masalah pembelajaran (*learning disabilities*, LD). Sehingga tahun 2023, terdapat 8 program Sijil Asas Kolej Komuniti yang ditawarkan di 12 buah kolej komuniti seluruh negara dalam bidang Pelancongan dan Hospitaliti, Pemprosesan Makanan, Kejuruteraan Awam, Teknologi Pertanian dan Reka Bentuk dan Kreatif.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA



Rajah 1.4: Senarai Program Sijil Asas Kolej Komuniti Sehingga Tahun 2023

1.4 PERANAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut berperanan dalam meningkatkan akses pendidikan kepada pelajar OKU dengan menyediakan laluan khusus kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) jelas menyokong pembukaan seluas-luasnya akses dan ekuiti pendidikan kepada semua golongan termasuk golongan OKU, rentan dan minoriti.

Dalam hal yang sama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPMT), pelan ini menetapkan lima (5) Aspirasi Sistem iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Program Pendidikan tinggi dikelaskan kepada dua kategori, iaitu tertiar (merangkumi kelayakan peringkat diploma, diploma lanjutan, diploma pasca ijazah, sijil kecekapan, ijazah sarjana muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah) dan bukan tertiar (merangkumi tawaran kelayakan lepasan menengah seperti STPM, matrikulasi, program asas dan program pra-universiti).

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

Merujuk kepada 'Akses', KPT berhasrat untuk meningkatkan enrolmen pendidikan (pendaftaran pelajar) komponen tertiar dari 36% kepada 53% dan kadar enrolmen keseluruhan dalam pendidikan tinggi (merangkumi program Pendidikan tertiar dan bukan tertiar) dari 48% kepada 70% menjelang 2025 agar Malaysia berada setara dengan tahap enrolmen tertinggi di ASEAN.

Manakala bagi 'Ekuiti', KPT merancang untuk memastikan semua warga Malaysia mempunyai peluang mendapat pendidikan tinggi untuk memenuhi potensi mereka tanpa mengira latar belakang kaum atau sosioekonomi. Bagi menyokong pertumbuhan pada masa hadapan, KPT perlu terus meningkatkan akses kepada semua bentuk pendidikan tinggi sebagai usaha dalam mencapai status negara maju, termasuk program TVET, ijazah sarjana muda, dan program pascasiswazah.


Sehubungan itu, inisiatif sedia ada jabatan melalui penawaran PPEP OKU dalam pendidikan tinggi adalah selaras dan menyumbang kepada pelan pembangunan pendidikan ini.

2


PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

2.1 PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

Di Malaysia, pendidikan pelajar OKU dilaksanakan melalui 2 konsep pendidikan iaitu pendidikan inklusif dan pendidikan eksklusif.



Antara agensi kerajaan yang mengamalkan konsep pendidikan inklusif adalah KPM, KPT dan JKM. Manakala agensi bukan kerajaan seperti Enabling Academy, Yayasan Fakeh, Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi dan WQ Park pula menawarkan program-program yang bersesuaian untuk keperluan pelajar OKU.



2.2 KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

Kemahiran teknikal pelajar OKU boleh diiktiraf dengan nilai tambah kompetensi di dalam program pengajian. Sijil kompetensi yang diiktiraf oleh badan bertauliah dapat meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pelajar yang akan menempuh alam pekerjaan setelah tamat pengajian. Di samping itu, pensijilan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti dan penghasilan kerja berkualiti oleh pelajar yang berkecayaan dan kompeten.

Penganugerahan sijil kompetensi kepada pelajar OKU dapat dicapai melalui penyertaan pelajar dengan mengikuti program pendidikan berasaskan kemahiran atau kompetensi melalui badan pentauliahan yang ada di negara ini. Dengan mengikuti program pendidikan melalui latihan atau kemahiran, kompetensi pelajar akan dinilai untuk memberi perakuan kepada mereka sebagai individu yang kompeten. Individu yang kompeten akan melayakkan pelajar untuk melaksanakan kerja-kerja separa mahir atau mahir di industri pekerjaan negara.

Di Malaysia penganugerahan pensijilan ini dalam proses pembangunan modal insan boleh dilaksanakan oleh mana-mana institusi pemberi latihan teknikal/kemahiran/kompetensi yang diiktiraf dan menawarkan program berkaitan. Antaranya adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Environment Institute of Malaysia (EiMAS), Suruhanjaya Tenaga (ST), Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) Jabatan Kerja Raya (JKR), Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2

PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU



Rajah 2.1: Penganugerahan pensijilan oleh agensi berkaitan.

Pelbagai bidang latihan dapat memberi pensijilan kepada pelajar seperti Sijil Kecekapan Kemahiran Pembinaan Landskap oleh CIDB, Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik & Pendawaian Elektrik oleh ST, Program Latihan Pengendali Makanan (LPM) oleh SLPM, Kompetensi Senibina Landskap oleh JKR dan lain-lain persijilan.

Antara beberapa agensi kerajaan yang melaksanakan program pendidikan pelajar OKU adalah seperti berikut:

i. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

JKM mempunyai pusat yang memberi latihan vokasional dan perubatan kepada golongan OKU. Pusat ini merupakan institusi bagi OKU yang berkeutamaan kepada kategori fizikal. Pusat ini adalah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) yang menganugerahkan persijilan kemahiran Malaysia mengikut tahap bagi beberapa kursus yang telah ditawarkan. Antara kursus yang ditawarkan adalah kursus vokasional dan pra-vokasional iaitu:

2

PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU



PLPP ini merupakan pusat kecemerlangan OKU fizikal (berumur di antara 18-40 tahun) yang berteraskan latihan kemahiran, pemulihan, industri alat sokongan dan sukan para, ke arah mendaya upayakan OKU ke tahap paling optimum dan produktif supaya berdaya saing dalam pasaran kerja. Dengan adanya pensijilan yang memberi pengiktirafan terhadap kompetensi dan kemahiran kepada pelajar OKU, secara tidak langsung dapat membantu golongan ini untuk mendepani cabaran pekerjaan pada masa akan datang.

ii. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pengubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) mengambil kira pendidikan yang sesuai dan relevan bagi dua kumpulan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).



Rajah 2.2: Dua kumpulan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

2

PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

KSSMPK bertujuan untuk memberi fokus kepada keupayaan dan potensi MBPK daripada pelbagai kategori. Semua MBPK mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSMPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013).

Melalui kurikulum ini, MBPK-KS mengikuti mata pelajaran teras, mata pelajaran Kemahiran Asas Vokasional (KAV) dan mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.3, Rajah 2.4 dan Rajah 2.5.



Rajah 2.3: Mata Pelajaran Teras KSSMPK bagi MBPK-KS



Rajah 2.4: Mata Pelajaran Kemahiran Asas Vokasional KSSMPK bagi MBPK-KS



Rajah 2.5: Mata Pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik KSSMPK bagi MBPK-KS

iii. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - Pensijilan Kemahiran Malaysia atau Penyata Pencapaian

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) memberi pensijilan kepada kemahiran standard pekerjaan di Malaysia. Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) menggunakan standard pekerjaan iaitu *National Occupational Skill Standard* (NOSS) atau *National Competency Standard* (NCS) yang dikeluarkan oleh JPK dan telah dibangunkan sendiri oleh pakar-pakar daripada industri. Pensijilan melalui SPKM akan melayakkan pelajar untuk mendapat sijil kemahiran Malaysia (SKM) mengikut tahap sama ada SKM tahap 1 - tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) pada tahap 4 atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) pada tahap 5.

Pensijilan Kemahiran Malaysia ini ditawarkan melalui institusi pusat bertauliah JPK yang menawarkan latihan kemahiran bagi bidang dan tahap kemahiran yang telah ditauliahkan. Antara agensi kerajaan yang memberi pensijilan SKM bagi pelajar OKU di Malaysia ialah Bahagian Pendidikan Khas di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Agensi bukan kerajaan juga ada melaksanakan program pendidikan pelajar OKU. Antara agensi berkenaan adalah seperti berikut:

i. Enabling Academy, Yayasan Gamuda

Enabling Academy (EA) ditubuhkan bertujuan meningkatkan kesedaran dan meluaskan rangkaian syarikat rakan korporat untuk menyediakan kerja pentadbiran atau profesional kepada individu dengan autisme fungsi tinggi. EA mengendalikan Program Transisi ke Kerjaya (PTK) yang melatih dan menempatkan individu autisme di syarikat yang menerima kepelbagaian dan keterangkuman dalam tenaga kerja mereka.

2

PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

EA direka bentuk untuk melengkapi pelatih dengan kemahiran insaniah yang berkaitan dan latihan kerja praktikal yang penting dalam pekerjaan. Setiap pelatih diberikan job coach yang bertanggungjawab merangka pelan pembangunan khusus bagi individu tersebut.

Program latihan ini merangkumi Kursus I (90 jam latihan dalam kelas) dan Kursus II (300 jam latihan praktikal) (Program Transisi ke Kerjaya: Manual Jurulatih).

ii. Yayasan Fakeh

Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) ditubuhkan untuk membantu komuniti anak-anak kurang upaya untuk mempelajari Al-Quran & Ibadah.

iii. Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang (PKIK)

Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang (PKIK) menyediakan perkhidmatan untuk kanak-kanak/orang kurang upaya masalah pembelajaran. PKIK menawarkan program pembelajaran dan latihan kepada kanak-kanak/orang kurang upaya masalah pembelajaran untuk membantu dalam perkembangan keseluruhan dan ke arah kehidupan yang berdikari dan bermakna.

iv. WQ Park

WQ Park ialah pusat sehati yang menyediakan perkhidmatan pemulihan komprehensif berikutan kecederaan dan penyakit kepada pesakit meliputi semua peringkat umur, daripada kanak-kanak hingga dewasa. Program ini direka bentuk untuk memaksimumkan kebolehan berfungsi pesakit, membolehkan mereka mencapai tahap kebebasan tertinggi dan menampung matlamat dan keupayaan individu. Pusat ini memberi layanan kepada OKU kategori masalah pembelajaran.

Rumusan bagi agensi pelaksana program pendidikan pelajar OKU boleh dirujuk di Lampiran 4.

3.1 KONSEP PELAKSANAAN

Pendidikan Berasaskan Hasil/ *Outcome-based Education* (OBE) secara umumnya memberi fokus kepada pencapaian hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran perlu diukur dan dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program akademik. Ia juga perlu disusuli dengan inisiatif penambahbaikan yang dijalankan bagi mengukuhkan program akademik berkenaan. Proses penambahbaikan ini dijalankan secara berterusan pada pelbagai peringkat dan dikenali sebagai Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement, CQI*). Prestasi sesebuah program akademik yang dibangunkan dinilai dalam dua (2) aspek utama iaitu pencapaian Objektif Pendidikan Program (*Program Educational Objectives, PEO*) dan Hasil Pembelajaran Program (*Program Learning Outcomes, PLO*). PLO dinilai sebaik sahaja pelajar selesai pengajian manakala PEO dinilai antara tiga (3) hingga lima (5) tahun selepas pelajar bergraduasi. Penyataan bagi kedua-dua PEO dan PLO perlu dihasilkan dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak pemegang taruh bukan sahaja pada permulaan program tetapi juga secara berkala untuk tujuan penambahbaikan program akademik (Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua).

3.2 REKABENTUK KURIKULUM PROGRAM PENDIDIKAN EKSKLUSIF PELAJAR OKU

3.2.1 SPESIFIKASI KURIKULUM EKSKLUSIF

Buat masa ini, pelaksanaan sedia ada di JPPKK bagi pelajar OKU adalah pelaksanaan sijil yang tidak dikhususkan, tiada tahap dan tidak diakreditasi. Justeru, struktur program bagi 3 tahap iaitu Sijil Tahap 2, Sijil Tahap 3 dan Diploma adalah dirancang.

Struktur Program terdiri daripada komponen kursus wajib (*compulsory course*), kursus disiplin (*discipline course*) dan kursus elektif (*elective course*); dan perlu mematuhi Spesifikasi kurikulum atau Standard Program seperti Jadual 3.1.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Jadual 3.1: Spesifikasi Program Eksklusif Pelajar OKU

PERKARA	SIJIL TAHAP 2	SIJIL TAHAP 3	DIPLOMA
Jumlah Semester	Minimum 2 semester	Minimum 4 semester	Minimum 6 semester
Tempoh maksimum pengajianRujukan: (Garis Panduan Pengambilan Ambilan Pelajar Edisi 9)	10 semester	10 semester	10 semester
Jumlah Kredit	Minimum 30 kredit	Minimum 60 kredit	Minimum 90 kredit
Kredit Per Semester	12 - 19 kredit	12 - 19 kredit	12 - 19 kredit
Jam Pertemuan Seminggu	20 - 32 jam	20 - 32 jam	20 - 32 jam
Latihan Industri	-	8 kredit (16 minggu) ($\pm 10\%$)	8 kredit (16 minggu) ($\pm 10\%$)
Kursus Wajib	10 - 13% 3 - 4 kredit	10 - 15% 6 - 9 kredit	10 - 17% 9 - 15 kredit
Kursus Teras Disiplin	60 - 70% 18 - 19 kredit	60 - 70% 36 - 42 kredit	60 - 70% 54 - 63 kredit
Kursus elektif	2 kredit	2 kredit	2 kredit
Peratusan Teori:Praktikal (merangkumi kursus disiplin) *Nota: tutorial boleh dikategorikan kepada teori atau praktikal mengikut kesesuaian bidang)	0: 100 (± 5) mengikut kesesuaian bidang	10 : 90 (± 5) mengikut kesesuaian bidang	20 : 80 (± 5) mengikut kesesuaian bidang
Maksimum bilangan semester & maksimum minggu pengajian	2 semester setahun 36 minggu setahun	2 semester setahun 36 minggu setahun	2 semester setahun 36 minggu setahun
Pentaksiran (Focus of Assessment)	100% (Penilaian praktikal)	0 - 10% (Penilaian teori) 90 - 100% (± 5) (Penilaian praktikal)	0 - 20% (Penilaian teori) 80 - 100% (± 5) (Penilaian praktikal)
Peratus komponen penilaian	100% (PB)	100% (PB)	100% (PB)

- **Jumlah Semester**

PPEP OKU bagi tahap 2 dilaksanakan selama 2 semester (12 bulan), tahap 3 dilaksanakan selama 4 semester (16 bulan) dan diploma 6 semester. Bagi pelajar OKU, mereka perlu mengikuti pengajian semester 1 hingga semester 3 di institusi dan semester 4 latihan di industri atau melaksanakan projek di institusi (tahap 3).

- **Jumlah Kredit**

Jumlah ukuran kuantitatif yang melambangkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

- **Kredit Per Semester**

Ukuran kuantitatif yang melambangkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu bagi sesuatu semester. Pelajar OKU dikehendaki mengambil 12 - 19 kredit (LD) dan 15 - 18 (Pendengaran) bagi setiap semester.

- **Jam Pertemuan Seminggu**

Sistem jam kredit yang digunakan oleh politeknik dan kolej komuniti menggambarkan jumlah jam pelajar berinteraksi (jam interaksi atau jam perjumpaan) atau terlibat dengan isi kandungan kursus dalam sesuatu semester. Jumlah jam kredit yang diperuntukkan bagi sesuatu kursus adalah bergantung kepada mod penyampaian yang digunakan untuk melibatkan pelajar dalam proses-proses penguasaan isi kandungan sesuatu kursus/modul (Standard Program Pendidikan).

Mengikut pengalaman pensyarah, pelajar OKU bagi program eksklusif melaksanakan tempoh pembelajaran selama 20 - 25 jam seminggu (LD) dan 32 jam (Pendengaran).

- **Latihan Industri**

Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi yang dibangunkan oleh KPT pada tahun 2010 menetapkan bahawa Latihan Industri (LI) merupakan satu program latihan yang wajib bagi tujuan penganugerahan Sijil Kemahiran (tahap 3) dan Diploma Kemahiran (Tahap 4). Pelaksanaan latihan industri untuk semua pelajar adalah ditetapkan pada kadar 1 kredit bersamaan 2 minggu.

Selaras dengan itu, Latihan Industri untuk pelajar OKU ditetapkan kepada 1 kredit bersamaan 2 minggu dan dilaksanakan sepanjang tempoh 16 minggu. Tempoh pelaksanaan LI bagi pelajar OKU adalah 16 minggu (Buku Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti Edisi 2022). Pelaksanaan LI bagi pelajar OKU perlu lebih fleksibel selain adanya khidmat/ program sokongan job coach atau mentor di tempat latihan serta keperluan penyediaan peralatan yang bersesuaian.

- **Kursus Wajib**

Kursus wajib merupakan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) yang dibangunkan khusus kepada pelajar OKU dan telah disesuaikan mengikut keperluan dan kesesuaian pelajar OKU. Kursus MPU merangkumi empat kumpulan iaitu:

- i. Kelompok U1 - penghayatan aspek kerohanian dan nilai;
Contoh kursus : Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral
- ii. Kelompok U2 - pengukuhan kemahiran insaniah;
Contoh kursus : Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Asas Komunikasi
- iii. Kelompok U3 - penguasaan kemahiran generik;
Contoh kursus : Asas keusahawanan dan Aplikasi Komputer
- iv. Kelompok U4 - kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.
Contoh kursus: Sukan, Kokurikulum dan Pengurusan Diri.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

- **Kursus Teras Disiplin**

Kursus Teras Disiplin merupakan mata pelajaran teras dimasukkan ke dalam kurikulum bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep, prinsip dan kaedah yang menyokong hasil program bagi memenuhi keperluan teras disiplin dan standard-standard yang sesuai. Selain perlu selari dengan amalan-amalan baik yang merujuk kepada bidang masing-masing, kursus teras disiplin ini perlulah dibangunkan sesuai dengan keperluan pelajar OKU.

- **Kursus elektif**

Kursus elektif merupakan kursus pilihan bagi pelajar OKU. Nilai kredit bagi kursus elektif adalah 2 kredit. Antara kursus elektif yang boleh ditawarkan kepada pelajar OKU adalah:

- Kemahiran Digital
- Khidmat Komuniti
- Asas Literasi Kewangan

- **Maksimum bilangan semester & maksimum minggu pengajian**

Pengiraan tempoh minimum adalah berasaskan kepada:

Semester	Minggu
1 Semester panjang	18 minggu (14 minggu pembelajaran + 1 minggu ulangkaji + 3 minggu peperiksaan)

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Dasar berkaitan sistem semester adalah seperti berikut:

- i. 1 tahun pengajian = 36 minggu (18 minggu x 2 semester).
- ii. Maksimum bilangan sesi/semester bagi satu tahun pengajian adalah 2 sesi/semester.
- iii. Minggu pengajian: 36 - 40 minggu tertakluk kelonggaran 10%

- **Fokus penilaian (Focus of Assessment)**

Penilaian bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus dan Latihan Industri

- **Peratus komponen penilaian**

Pelajar OKU dinilai berdasarkan 100% penilaian berterusan (PB).

- **Pemetaan kurikulum bagi pensijilan nilai tambah**

Kurikulum pendidikan eksklusif ini juga boleh dipetakan kepada *National Occupational Skills Standard* (NOSS) atau *National Competency Standard* (NCS) bagi mendapat kesetaraan untuk melayakkan pelajar OKU di institusi JPPKK diiktiraf dengan sijil nilai tambah. Kurikulum program pendidikan pelajar OKU yang dibangunkan perlu memenuhi keperluan NOSS/NCS dan diseragamkan di semua institusi. Melalui kurikulum eksklusif ini, kaedah pemetaan bersama Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) akan membolehkan pelajar OKU mendapat pengiktirafan pensijilan daripada badan yang bertauliah dengan menggunakan silibus atau dokumen kurikulum sendiri.

3.2.2 NOMENKLATUR

Dalam menetapkan penamaan kepada sesebuah program pengajian, beberapa kriteria dan panduan perlu dipatuhi agar ianya bertetapan dan menggambarkan kandungan keseluruhan program pengajian. Tiada dasar dan garis panduan khusus yang dibangunkan bagi PPEP OKU, oleh yang demikian dasar dan garis panduan sedia ada dirujuk sebagai panduan dalam penetapan penamaan program pengajian.

Penentuan kepada penamaan PPEP OKU Polycc adalah dengan merujuk kepada Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia, 2019 yang dijadikan sebagai asas kepada penamaan program tersebut.

Reka bentuk program pengajian eksklusif pelajar OKU ini memberi penekanan kepada komponen kemahiran dalam bidang pengkhususan dengan mengambil kira kesinambungan daripada pendidikan khas di peringkat sekolah menengah. Ianya bertujuan bagi memberi peluang kepada golongan OKU untuk menyambung pengajian di peringkat tertiar dalam meluaskan akses pendidikan kepada mereka.

Bagi membezakan program pengajian ini dengan program pengajian inklusif peringkat sijil dan diploma yang ditawarkan kepada pelajar OKU di politeknik dan kolej komuniti, penamaan program pendidikan eksklusif akan menggunakan perkataan “Khas” sebelum penyataan bidang pengkhususan dalam penamaan program pada setiap peringkat pengajian. Perkataan “Khas/*Exclusive*” itu sendiri membawa maksud ditentukan/ diperuntukan/ dikhususkan kepada sesuatu perkara atau tujuan tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat) yang spesifik.

Dalam hal ini penamaan program bagi Sijil Tahap 2 adalah dengan menyatakan perkataan “Asas” yang menunjukkan tahap dan kedalaman pembelajaran sebelum pernyataan bidang berkaitan.

3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Kaedah susunan komponen penamaan program/kelayakan bagi program pengajian eksklusif pelajar OKU ini adalah seperti turutan berikut:

- i. tahap kelayakan
- ii. kata depan (preposition) in (dalam) dan
- iii. penunjuk bidang (qualifier)

Jadual 3.2: Susunan Komponen Penamaan

Program	Tahap Kelayakan	Kata Depan 'in'	Penunjuk Disiplin Bidang	Contoh Penamaan
Sijil	2	/	/	Sijil Khas Asas Pastry/ <i>Exclusive Certificate in Basic Pastry</i>
Sijil	3	/	/	Sijil Khas Pastry/ <i>Exclusive Certificate in Pastry</i>
Diploma	4	/	/	Diploma Khas Seni Pastry/ <i>Exclusive Diploma in Pastry Arts</i>

3.2.3 TAKSONOMI PEMBELAJARAN

Taksonomi pembelajaran menyatakan pembelajaran individu termasuk golongan kurang upaya adalah melibatkan tiga domain umum iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Domain pembelajaran ini dipandu oleh tahap hirarki atau kerumitan yang digunakan untuk menentukan pencapaian prestasi minimum setelah tamat sesuatu kursus dan program (GP Amalan Baik: Penilaian Pelajar, 2014).

Taksonomi domain pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor menyokong pembelajaran dan potensi semua pelajar termasuk mereka yang kurang upaya secara menyeluruh dan bersepadu bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Penggubalan kurikulum golongan kurang upaya sewajarnya diberi penekanan dari segi hasil pembelajaran, kaedah alternatif yang melibatkan masa pembelajaran pelajar (SLT), penilaian sebenar atau authentic assessment dan penyampaian yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Berdasarkan empat prinsip Outcome-based Education semua pelajar harus diberi peluang untuk sekurang-kurangnya mencapai hasil pembelajaran kursus yang minimum. Oleh itu, penetapan taksonomi pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor untuk pelajar OKU adalah berdasarkan hasil pembelajaran sesuatu kursus dipengaruhi oleh kemampuan pelajar. Kurikulum yang digubal perlu mengambil kira kriteria dan keperluan pelajar ini bagi memastikan mereka mencapai kemahiran disiplin dan insaniah yang minimum merujuk kepada taksonomi pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor.

Klasifikasi yang paling umum untuk domain kognitif ialah taksonomi Bloom (Bloom, 1956), taksonomi Bloom yang diubah suai (Anderson & Krathwohl, 2001; Krathwohl, 2002) dan taksonomi *Structure of Observed Learning Outcome* (SOLO) (Biggs, 1999; 2003).

3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Taksonomi yang dipelopori oleh Simpson (1972) dan Dave (1975) adalah di antara taksonomi yang boleh diguna pakai bagi domain psikomotor. Manakala domain afektif boleh menggunakan taksonomi seperti yang diperkenalkan oleh Krathwohl, Bloom dan Masia (1973). Ketetapan dominan taksonomi pembelajaran adalah seperti Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Ketetapan Dominan Taksonomi Pembelajaran

Tahap Pengajian	Kognitif	Afektif	Psikomotor
Sijil Tahap 2	C1 Mengetahui Contoh kata kerja : mentakrifkan, menyusun, menyatakan dan sepertinya.	A1 Menerima Contoh kata kerja: memilih, menamakan, memberi dan sebagainya.	P1 Persepsi Contoh kata kerja: menerangkan, mengesas, mengenal pasti dan sebagainya.
Sijil Tahap 3	C2 Memahami Contoh kata kerja: menerangkan, menentukan, membincang dan sepertinya.	A2 Memberi maklum balas Contoh kata kerja: mematuhi, melaksanakan, menerangkan dan sepertinya.	P2 Set Contoh kata kerja: memulakan, mempamerkan, menghuraikan dan sebagainya.
Diploma	C3 Mengaplikasi Contoh kata kerja: menunjuk cara, menjalankan, membezakan dan sepertinya.	A3 Menghargai nilai Contoh kata kerja: menceritakan, membezakan, melengkapkan dan sepertinya.	P3 Respon Terpimpin Contoh kata kerja: menyalin, mengikuti, menghasilkan semula dan sepertinya.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

3.2.4 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DAN LATIHAN INDUSTRI (LI)

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah proses mendapatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Proses pelaksanaan aktiviti PdP memerlukan segala maklumat berkaitan aktiviti PdP direkodkan agar ianya terancang, teratur dan sistematik. Maklumat PdP yang direkodkan perlu mematuhi dasar, polisi, garis panduan, surat pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh JPPKK serta keperluan badan akreditasi di samping memenuhi ketetapan sistem pengurusan kualiti (SPK) institusi.

3.2.4.1 PELAKSANAAN PdP BAGI PROGRAM PENDIDIKAN EKSKLUSIF PELAJAR OKU

A. Kaedah PdP Pelajar OKU

Bagi pelajar OKU, proses PdP yang dilaksanakan perlu mengambilkira keperluan dan limitasi pelajar tersebut secara lebih mendalam. Kaedah tersebut terpulang kepada kreativiti pensyarah dan kesesuaian pelajar OKU untuk mencapai objektif PdP bagi sesuatu kursus (Siti et al., 2018). Ini kerana tahap penerimaan pelajar OKU terhadap isi kandungan PdP yang diberikan adalah pelbagai. Hubungkait antara konsep PdP adalah seperti Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Hubungkait Konsep Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Siti et al., 2018)


3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Kaedah PdP perlu dilaksanakan dengan mengambilkira hubungkait konsep PdP seperti di dalam Rajah 3.1. Setiap komponen (Pendekatan PdP, Strategi Pdp, Teknik PdP dan Teori PdP) perlu saling melengkapi dan bersesuaian mengikut keperluan pelajar OKU.

Oleh yang demikian, seseorang pensyarah bukan sahaja mesti menguasai pelbagai strategi PdP tetapi yang lebih penting lagi ialah bagaimana mengintegrasikan serta menyusun kaedah PdP untuk membentuk strategi yang paling berkesan dalam PdP mengikut keadaan (Parrot, 1986). Jelasnya, sesuatu strategi PdP tidak akan menjamin pencapaian matlamatnya, namun yang lebih penting adalah interaksi antara kaedah PdP yang akan digunakan.

Di antara kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan PdP pelajar OKU di Polycyc adalah seperti Rajah 3.2 di bawah.



Rajah 3.2: Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (Siti *et al.*, 2018)

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Pengurusan kelas /bilik kuliah semestinya akan mempengaruhi motivasi pelajar serta proses pelaksanaan PdP itu sendiri. Strategi PdP secara umumnya diklasifikasikan seperti di Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Strategi pengurusan kelas

Secara tidak langsung, pengurusan bilik kuliah akan bergantung kepada strategi pengurusan kelas yang dilaksanakan oleh pensyarah, sama ada pensyarah tersebut melakukan proses PdP berpusatkan guru, berpusatkan bahan ataupun berpusatkan murid. Pensyarah perlu berfikir secara kreatif untuk melaksanakan strategi yang bersesuaian dengan sesuatu topik atau keupayaan pelajar dalam memahami topik-topik tertentu.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pelajar OKU:

a. Persediaan PdP:

- Pensyarah menerangkan *outline course* yang khusus mengikut kategori OKU pelajar di awal sesi PdP.
- Pensyarah memaklumkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar OKU semasa sesi PdP berlangsung.
- Pensyarah menyediakan rancangan mengajar dan cadangan aktiviti PdP.
- Pensyarah memberi panduan yang jelas tentang bahan atau alatan yang diperlukan untuk sesi PdP.
- Pensyarah memberi panduan yang jelas tentang bahan atau alatan yang diperlukan untuk sesi PdP.

b. Mengendalikan PdP berkesan:

- Menyemak pembelajaran yang lepas.
- Membantu pelajar mengambil bahagian semasa sesi PdP
- Menggunakan kaedah penyampaian PdP yang sesuai mengikut kategori OKU.
- Membantu Pelajar OKU fokus
 - Semasa sesi PdP berlangsung, pensyarah digalakkan untuk sentiasa mengingatkan pelajar OKU supaya menyelesaikan tugas yang diberikan kepada mereka.
 - Pensyarah juga perlu berulang kali mengingatkan kepada pelajar agar sentiasa patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan.
 - Pensyarah harus merancang sesi PdP dari tahap mudah kepada sukar secara berperingkat. Sebagai contoh, benarkan pelajar OKU menyelesaikan lima masalah matematik sebelum membentangkan lima masalah yang selebihnya.
 - Pensyarah melaksanakan aktiviti kerja berkumpulan sebagai cara untuk pelajar OKU memaksimumkan kebolehan pembelajaran secara berkumpulan seperti aktiviti *Think-Pair-Share*:
 - » Pensyarah meminta pelajar OKU agar membuat refleksi sesuatu topik pada permulaan sesi PdP sebagai set induksi.
 - » Pensyarah perlu melibatkan semua pelajar OKU.
 - » Pelajar diminta berkongsi kefahaman kepada rakan sekelas secara kolektif.
 - » Bagi pelajar OKU yang mempunyai masalah pembelajaran pula, pensyarah diminta agar memberikan penjelasan yang lebih khusus mengikut kategori OKU pelajar. Sebagai contoh pensyarah boleh meminta rakan sekelas sebagai tutor rakan sebaya dari kategori OKU yang sama.

c. Pensyarah memantau pemahaman pelajar OKU melalui penilaian formatif dan sumatif secara berterusan dengan sentiasa memberi arahan susulan berkaitan tugas yang diberikan secara lisan dan bertulis. Pensyarah juga diminta membuat refleksi sebaik-baiknya 5 atau 10 minit sebelum sesi PdP tamat. Sebagai contoh pensyarah menyediakan aktiviti pop kuiz, menggunakan aplikasi Kahoot dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian dengan kategori OKU pelajar.

B. Bahan Sokongan Pembelajaran Pelajar OKU

Bahan sokongan pembelajaran merupakan alat atau bahan yang berperanan untuk membantu pensyarah menyampaikan isi kurikulum ketika sesi PdP secara lebih berkesan dengan tujuan pelajar OKU memperolehi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai. Selain daripada itu, ianya juga mampu merangsang deria rangsangan, kefahaman maklumat, pengekalan minat melalui pelbagai sumber pembelajaran, peningkatan daya ingatan, kemahiran berfikir, peningkatan daya kreativiti dan keseronokan dalam pembelajaran.

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, "OKU termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat". Oleh sebab itu, proses PdP bagi pelajar OKU adalah berbeza dan memerlukan tenaga pengajar menggunakan pelbagai teknik dan kaedah mengikut kesesuaian perkembangan diri, keupayaan, kebolehan diri, bakat, minat serta latar belakang pelajar.

Proses PdP perlu dirancang serta dikendalikan dengan teliti dan sistematik agar setiap pelajar mendapat peluang yang sama tidak kira secara berkumpulan mahupun individu. Tambahan pula pelajar OKU memerlukan bahan pengajaran yang lebih interaktif disebabkan keupayaan dan keperluan yang berbeza.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Perbezaan ini adalah disebabkan oleh kategori keperluan khas atau keadaan yang dialami pelajar berkeperluan khas yang tidak sama, malah penerimaan mereka terhadap topik diajar juga berbeza mengikut tiga aras keupayaan kognitif, afektif dan psikomotor iaitu rendah, sederhana dan tinggi.



Rajah 3.4: Gaya Pembelajaran VAK

Melalui Model Pembelajaran VAK oleh Walter Burke Barbe seperti Rajah 3.4 di atas, telah menetapkan tiga (3) jenis gaya pembelajaran seperti berikut;

- Pembelajaran secara Auditori – belajar melalui bunyi
- Pembelajaran secara Visual – belajar melalui visual
- Pembelajaran secara Kinestetik – belajar melalui aktiviti praktikal atau amali

Antara cadangan jenis-jenis bahan sokongan pembelajaran atau alat yang menyokong penyampaian pembelajaran (alat bantu mengajar) yang perlu disediakan adalah seperti berikut;

- Sumber bahan bercetak – buku rujukan literasi, majalah, risalah, jurnal, surat khabar, nota ringkas, artikel dan nota-nota bercetak termasuk nota persembahan tenaga pengajar.
- Sumber bahan elektronik – cakera liut (CD), komputer, sistem pentenaga pengajaran pembelajaran/learning management system (LMS), slide powerpoint, repositori bahan digital institusi dan capaian wifi untuk melayari internet.
- Sumber bahan digital – teknologi bahan multimedia termasuk teks, grafik, audio, video dan animasi.

Jadual 3.4: Contoh Gaya Pembelajaran Mengikut Kategori Pelajar OKU

KATEGORI OKU	GAYA PEMBELAJARAN	CONTOH BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN
Kurang Upaya Pendengaran dan Percakapan	Secara Auditori	<p>i. Alat teknologi aplikasi bunyi seperti alat bantu pendengaran binaural.</p> <p>ii. Unit sistem FM (<i>frequency modulation</i>)</p> <p>iii. Alat Acoustically Tuned Ear untuk mengesan bunyi dan menguatkan bunyi</p> <p>iv. Podcast, video, televisyen, komputer dan aplikasi Google Classroom.</p>
	Secara Visual	<p>v. Televisyen, komputer dan alat pemain cakera padat/radio kaset.</p> <p>vi. Video dilengkapi bersama medium komunikasi Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) ataupun Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM).</p>
	Secara Kinestetik	<p>vii. Praktikal dan amali seperti memasak, pertukangan dan membaiki kenderaan.</p>

3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

KATEGORI OKU	GAYA PEMBELAJARAN	CONTOH BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN
Kurang Upaya Penglihatan	Secara Auditori	i. Podcast, video, televisyen, komputer.
	Secara Visual	ii. Televisyen, komputer dan alat pemain cakera padat/radio kaset.
	Secara Kinestetik	iii. Praktikal dan amali seperti memasak, pertukangan dan membaiki kenderaan. iv. Perisian Job Access With Speech (JAWS).
Kurang Upaya Fizikal	Sama seperti pelajar normal	i. Kaedah capaian sumber perlu diperluaskan contohnya kemudahan wifi tidak terhad hanya di perpustakaan sahaja. ii. Halangan fizikal perlu diperbaiki.
Kurang Upaya Learning Disability	Secara Auditori	Pendekatan Multisensori yang merangsang lebih dari 1 deria seperti deria visual, auditori dan aktiviti fizikal seperti sentuhan semasa proses PdP.
	Secara Visual	
	Secara Kinestetik	

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

3.2.4.2 LATIHAN INDUSTRI BAGI PROGRAM PENDIDIKAN EKSKLUSIF PELAJAR OKU

Latihan Industri (LI) merupakan peralihan atau perubahan yang dilalui oleh setiap pelajar Program Eksklusif Pelajar OKU dari sesi pembelajaran ke alam pekerjaan. Perubahan persekitaran akan memberi tekanan kepada perasaan dan emosi pelajar OKU. Khidmat sokongan yang bersesuaian wajar diberikan bagi mengurangkan tekanan tersebut dan meningkatkan kesediaan pelajar OKU untuk menerima perubahan ke alam kerjaya. Program LI ini memberi sokongan psikologi, emosi dan minda untuk membantu pelajar OKU menyesuaikan diri dengan persekitaran, di institusi, keluarga, dan industri.



Rajah 3.5: Objektif program LI

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF




Rajah 3.6: Prosedur pelaksanaan program LI Pelajar OKU



Rajah 3.7: Prosedur Pelaksanaan Latihan Industri bagi Program Pengajian Eksklusif Pelajar OKU.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Merujuk Buku Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti Edisi 2022, pada Jadual 1.1, JPPKK melaksanakan latihan industri pada semester ke 4 pengajian dan tempoh pelaksanaan latihan industri ini adalah selama 16 minggu. 1 kredit adalah bersamaan dengan 2 minggu. Jadi, kredit bagi latihan industri adalah 8 kredit dan bersamaan dengan 16 minggu.



Rajah 3.8: Hubungan tanggungjawab antara ibu bapa/penjaga, institusi, pelajar OKU dan majikan/industri

Merujuk Rajah 3.8, Program LI bagi Program Eksklusif Pelajar OKU dirancang dan dilaksanakan oleh pihak institusi dengan penglibatan aktif daripada pihak ibu bapa/penjaga, industri dan Pelajar OKU. Penglibatan setiap pihak yang terlibat adalah penting dalam mengetahui, memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing sama ada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan latihan industri.

Di akhir kursus LI, pelajar OKU diharapkan berupaya untuk:

- i. menggunakan kemahiran teknologi yang digunakan di tempat kerja yang sebenar;
- ii. mengamalkan peraturan keselamatan dan amalan baik di tempat kerja; dan
- iii. mengukuhkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi secara berkesan.

3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Khidmat sokongan yang perlu ada dalam pelaksanaan kursus LI bagi pelajar OKU antaranya adalah *Job Coach*. *Job Coach* menawarkan sokongan secara *one to one* iaitu seorang *Job Coach* dengan seorang pelajar OKU yang melibatkan tempoh masa sekurang-kurangnya 2 hingga 4 bulan mengikut tahap keupayaan pelajar OKU.


Job Coach bertanggung jawab melaksanakan perkara seperti berikut:

Penilaian pelajar OKU	Penilaian Tempat Kerja	Pemadanan Kerja (<i>Job Matching</i>)
Membuat penilaian dan memahami keadaan pelajar OKU secara terperinci berdasarkan tahap ketidakupayaan untuk merancang sokongan yang diperlukan bagi mewujudkan padanan kerjaya.	Membuat penilaian persekitaran tempat kerja merangkumi persekitaran fizikal, manusia, tugas serta polisi atau budaya di tempat kerja.	Membuat padanan kerja yang terbaik di antara kemampuan pelajar OKU dengan modifikasi serta menyusun semula tugas-tugas semasa LI yang bersesuaian dengan pelajar OKU dengan kebenaran majikan. Majikan diberi kelonggaran menempatkan pelajar LI OKU mengikut keupayaan dan jenis kategori OKU.
Sokongan intensif	Sokongan Semulajadi (<i>Natural Support</i>)	Tindakan Susulan (<i>Follow-up</i>)
Menyediakan sokongan untuk pelajar OKU dan majikan di tempat kerja agar pelajar OKU bekerja secara bersungguh-sungguh dan berterusan.	Mewujudkan sokongan rakan sekerja pelajar OKU untuk mengurangkan sokongan <i>Job Coach</i> secara beransur-ansur.	Sokongan berkala untuk mengekalkan pelajar OKU dalam pekerjaan dengan memantau dan intervensi jika wujud permasalahan.

3.2.5 SLT

Selaras dengan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, bagi maksud melaksanakan pendidikan khas pengubahsuaian boleh dibuat kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; masa yang diperuntukan bagi aktiviti; susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar. Berdasarkan akta ini juga reka bentuk kurikulum program ini merupakan kurikulum yang direka bentuk khusus bagi memenuhi keperluan pelajar OKU.

Berdasarkan konsep pendidikan berasaskan OBE iaitu penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan pelajar, ukuran jam pembelajaran dibuat berdasarkan masa pembelajaran pelajar. Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time, SLT) merupakan masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti pembelajaran, yang digunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ia merangkumi masa pelaksanaan semua aktiviti pembelajaran iaitu pembelajaran formal dan tidak formal. SLT merupakan jumlah masa yang diperlukan untuk mempelajari sesuatu kursus terdiri daripada Jam Pertemuan Bersemuka (*Face-to-Face*) contohnya kuliah, amali dan tutorial, Jam Pertemuan Tidak Bersemuka (*Non-Face-to-Face*), Jam Pembelajaran Kendiri (Independent Learning) contohnya persediaan pentaksiran, tugasan dan projek dan Jam Penilaian Formal (*Assessment*).



Model SLT: sumber rujukan Zainai Mohamed (2006). *Managing Student Learning Time for Effective Learning*.

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Jam pembelajaran pelajar yang sesuai untuk pelajar berkeperluan khas akan sangat bergantung kepada keperluan khusus pelajar tersebut. Beberapa pelajar mungkin memerlukan waktu yang lebih lama untuk belajar atau memerlukan rehat secara teratur kerana kondisi kesihatan mereka, sementara yang lain mungkin memerlukan waktu tambahan untuk memproses maklumat atau menyiapkan tugas.

Bagi PPEP OKU, SLT dikira merujuk kepada pengiraan kredit yang ditakrifkan oleh MQF iaitu satu kredit bersamaan dengan 40 jam nasional. 40 jam diambil sebagai masa efektif minimum untuk digunakan sebagai asas dalam pengiraan SLT. Berikut merupakan cadangan peruntukan jam pembelajaran sendiri berdasarkan jam pertemuan bersemuka bagi pelbagai aktiviti pembelajaran dan pembelajaran berdasarkan kesesuaian dan keperluan pelajar OKU.

Jadual 3.5: Cadangan Peruntukan jam pembelajaran sendiri berdasarkan jam pertemuan bersemuka.

KREDIT DAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (CREDIT AND STUDENT LEARNING TIME, SLT)

Bil	Aktiviti PdP dan Pentaksiran	*Jam Pelaksanaan	*Jam Persediaan/ Pembelajaran Kendiri	PROGRAM PENGAJIAN EKSKLUSIF PELAJAR OKU		Catatan
				Jam Pelaksanaan	Jam Persediaan/ Pembelajaran Kendiri	
1	Kuliah	1 jam	1 - 2 jam	1 jam	1 - 2 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
2	Tutorial	1 - 2 jam	1 - 2 jam	1 jam	1 - 2 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
3	Makmal/Praktikal	3 jam + laporan		3 - 6 jam*	Tiada	*Bagi Pelajar Sijil Kemahiran Politeknik dan Sijil Asas Kole Komuniti-memerlukan lebih jam pertemuan bagi aktiviti praktikal kerana berbentuk pengulangan untuk memastikan pelajar dapat mencapai hasil pembelajaran
4	Perbincangan (Kumpulan Kecil)	1 - 2 jam	1 jam	1 - 2 jam	1 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
5	Problem-based Learning (PBL)/ Project-based Learning	2 jam	2 - 3 jam + 2 jam untuk perbincangan	2 jam	2 - 3 jam + 2 jam untuk perbincangan	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
6	Pembentangan/ Presentation	1 jam	3 - 4 jam	1 jam	3 - 4 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
7	Kerja Studio / Kerja Bengkel	2 jam	2 jam	2 jam	2 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
8	Demonstrasi per sesi (Demonstration per session)	1-2 jam		1 - 2 jam		Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
9	Kerja Lapangan per sesi (Field work per session)	Mengikut masa yang diperuntukkan		Mengikut masa yang diperuntukkan		Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
10	Peperiksaan Akhir	3 jam	8 jam (semasa minggu utangkaji) / 3 jam	3 jam	8 jam (semasa minggu utangkaji) / 3 jam	Berdasarkan panduan Kredit dan Jam Pembelajaran Pelajar, (KPT, 2010)
11	Assignment/ Tugas			1 - 2 jam	1 - 3 jam	
12	End of Chapter			1 - 2 jam	1 - 3 jam	
13	Final Project			Tiada	Tiada	
14	Practical Work/ Kerja Praktikal			1-12 jam	1 - 6 jam	
15	Problem-based Task			Tiada	Tiada	
16	Projek / Project			3 - 4 jam	1 - 3 jam	
17	Quiz/ Kuiz			30 minit	tiada	
18	Ujian Praktikal/ Practical Test			3 - 4 jam	3 - 4 jam	
19	Ujian Teori/ Theory Test			1 jam	1 jam	

*Garis Panduan Penulisan Program Akademik. (KPT, 2010)

3

PEMBANGUNAN KURIKULUM PROGRAM EKSKLUSIF

Bagi membantu pelaksanaan pembelajaran program pengajian eksklusif pelajar OKU di Polycc, fleksibiliti boleh diberikan dalam membuat penyelarasan pembahagian Jam Pertemuan Bersemuka (*Face-to-Face*), Jam Pertemuan Tidak Bersemuka (*Non-Face-to-Face*), Jam Pembelajaran Kendiri (*Independent Learning*) dan Jam Penilaian Formal (Assessment) berdasarkan keperluan pelajar.



Sumber: Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013

3.2.6 KLUSTER HASIL PEMBELAJARAN

Kluster hasil pembelajaran yang dibangunkan di dalam garis panduan ini adalah sejajar dengan Falsafah Pendidikan kebangsaan (FPK), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015 - 2025. Kluster ini menjelaskan kesukaran hasil pembelajaran mengikut tahap dalam skop pembelajaran dan pekerjaan. Kluster ini dibahagikan kepada lima kategori seperti berikut:

Kluster 1 : Pengetahuan dan Pemahaman

Pengetahuan dan pemahaman merujuk kepada asas pengetahuan dan pemahaman aras rendah terhadap kandungan pembelajaran dalam bidang masing-masing. Penguasaan asas ini adalah merujuk kepada pemahaman berkaitan sesuatu fakta, idea, maklumat, prinsip, konsep, teori, pengetahuan teknikal, kemahiran teknikal, peralatan serta proses kerja.

Penguasaan asas pengetahuan dan pemahaman bermula dengan pendedahan kepada asas pengetahuan am berkaitan disiplin ilmu. Pelajar OKU perlu mempunyai asas pengetahuan teknikal sesuatu subjek, ruang kerja, peralatan serta proses kerja. Ini juga termasuk dengan amalan mampan dan peraturan keselamatan dalam bidang masing-masing. Pelajar OKU perlu menguasai asas pengetahuan dan pemahaman untuk dipraktikkan dalam amalan kerja seharian setelah bergraduasi kelak.

Kluster 2 : Kemahiran Kognitif

Kemahiran kognitif merupakan aras pengetahuan yang lebih tinggi berbanding aras pengetahuan dan pemahaman. Bagi kluster ini, pelajar OKU perlu menunjukkan pengetahuan dalam menyelesaikan masalah yang bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kelompok pelajar OKU perlu dilaksanakan secara berulang bagi memberikan pelajar peluang menguasai pengetahuan asas disiplin bidang dan menguatkan ingatan pelajar. Justeru, kandungan kurikulum harus bermula daripada aras yang rendah kepada aras yang tinggi. Penyesuaian ini diberikan agar pelajar OKU mampu menggunakan asas pengetahuan dan pemahaman yang telah dikuasainya dalam menyelesaikan masalah, melakukan pengiraan mudah dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan bidang. Dengan ini, mereka akan dapat menguasai kemahiran kognitif iaitu mampu mengamati, mengetahui dan memahami dalam penyelesaian masalah atau pengiraan.

Kluster 3 : Functional Work Skills

Kluster ketiga ini dibahagikan kepada enam sub-kluster iaitu seperti berikut:

a. Kemahiran Praktikal

Kemahiran praktikal merupakan kemahiran amali yang berfokuskan kepada bidang masing-masing. Bagi memastikan pelajar mempunyai kompetensi kemahiran amali, pelajar OKU akan dinilai dari segi kebolehan melaksanakan tugas amali secara individu atau berkumpulan. Kemahiran amali dan kemahiran mengoperasi berperanan untuk menyediakan pelajar OKU bersaing dalam pasaran pekerjaan atau pun hidup berdikari. Oleh itu, kemahiran praktikal berkenaan harus lebih terarah, berfokus dan bersesuaian dengan keupayaan serta kemampuan pelajar dalam menguasai sesuatu kemahiran. Ini juga termasuk dalam amalan budaya kerja sistematik dan selamat.

b. Kemahiran Interpersonal

Kemahiran interpersonal merujuk kepada pelbagai kemahiran di antaranya ialah kemampuan berinteraksi dan bersosial dengan pensyarah serta dan rakan di institusi agar pelajar OKU mampu untuk mengamalkannya serta berkeyakinan di tempat bekerja kelak.

c. Kemahiran Komunikasi

Kemahiran berkomunikasi dengan pensyarah serta dan rakan baru di institusi diperlukan agar pelajar OKU mampu untuk mengamalkannya di tempat bekerja kelak. Pelajar juga perlu didedahkan dengan teknik komunikasi interaktif, hubungan kolaborasi dan kerjasama dengan orang lain serta kemahiran bersosial. Pelajar mampu berkomunikasi dengan baik, boleh menyampaikan idea dan maklumat dengan jelas dan tepat.

d. Kemahiran Digital

Kemahiran Digital memberikan penekanan kepada penggunaan gajet dan aplikasi digital secara minimum. Pelajar OKU harus berkebolehan menggunakan gajet atau aplikasi digital yang mudah dan menggunakan data sedia ada bagi menyelesaikan tugas dengan bimbingan. Dengan menguasai kemahiran ini, pelajar OKU dapat mengikuti arus pendigitalan masa kini dan bersifat terbuka serta mampu menggunakan pengetahuan mereka dengan baik dalam pelbagai situasi.

e. Kemahiran Digital dan Numerasi

Kemahiran numerasi akan menguji penggunaan matematik mudah yang bersesuaian dengan pelajar OKU mengikut bidang masing-masing. Selain itu, mereka juga mampu menggunakan pengetahuan mereka untuk menyelesaikan masalah dan mengaitkannya dengan kehidupan seharian.

f. Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab

Kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab mendedahkan pelajar OKU kepada kemahiran memimpin secara sendiri dan berkumpulan. Melalui kemahiran ini mereka mampu memimpin rakan dalam kumpulan, bekerjasama dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Kemahiran ini mampu memberi ruang kepada pelajar OKU mencapai potensi diri sepenuhnya kerana mereka berpeluang memimpin dan berinteraksi dalam kumpulan dan rakan sekelas yang lain. Kemahiran ini amat penting sebagai persediaan pelajar OKU untuk berinteraksi dan bekerja dalam sebuah organisasi.

Kluster 4 : Kemahiran Personal dan Keusahawanan

Kluster keempat ini dibahagikan kepada dua sub-kluster iaitu seperti berikut:

- Kemahiran personal merupakan kemahiran sendiri yang ditunjukkan oleh pelajar OKU melalui sikap positif seperti keupayaan pembelajaran sendiri, pembangunan diri, kawalan sendiri, kemahiran sosial dan bersikap positif dalam melaksanakan kerja. Elemen lain yang ditonjolkan adalah sikap jujur, menepati masa serta pengurusan masa yang baik dalam menyiapkan tugas yang diberikan.
- Kemahiran keusahawanan mendidik pelajar OKU agar mempunyai minda keusahawanan dan mempengaruhi perlakuan pelajar ke arah hasil dan aktiviti keusahawanan. Pelajar OKU yang berminda keusahawanan akan mempunyai kecenderungan ke arah inovasi, kreatif dan berpeluang mencipta sesuatu yang baharu.

Kluster 5 : Etika dan Profesionalisme

Etika dan profesionalisme merupakan ciri - ciri penting yang diterapkan kepada pelajar OKU agar mereka bersedia untuk alam pekerjaan. Pelajar OKU perlu mampu mematuhi prosedur, boleh mengikut arahan, mematuhi masa, cekap dan teratur semasa melaksanakan tugas kerana sikap ini dapat meningkatkan tingkah laku dan interaksi positif di kalangan pelajar.

Jadual 3.6: Cadangan Penerangan Tahap bagi PPEP OKU

TAHAP	RUMUSAN PROFIL PELAJAR	KLUSTER 1: PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN	KLUSTER 2: KEMAHIRAN KOGNITIF	KLUSTER 3: FUNCTIONAL WORK SKILLS					KLUSTER 4: KEMAHIRAN PERSONAL DAN KEUSAHAWANAN		KLUSTER 5: KEMAHIRAN DAN PROFESIONALISME
				KEMAHIRAN PRAKTIKAL	KEMAHIRAN INTERPERSONAL	KEMAHIRAN KOMUNIKASI	KEMAHIRAN DIGITAL	KEMAMPUAN AUTONOMI DAN TANGGUNGJAWAB	PERSONAL	KEUSAHAWANAN	
TAHAP 2	Memerika penubuhan secara teori dan praktikal bagi membuat pelbagai yang bertanggungjawab dan bersedia	Menunjukkan pengetahuan secara teori dalam kursus disiplin bagi aktiviti rutin dan bukan rutin	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran bagi menyelesaikan tugasan rutin	Mengikuti arahan bagi melaksanakan tugasan rutin	Mampu berinteraksi dengan individu sekeliling	Mampu berkomunikasi secara minima mengenai tugasan yang diberikan	Menggunakan gajet asas atau aplikasi digital yang mudah bagi menyelesaikan tugasan secara terpadu	Mampu menyelesaikan tugasan yang dibenarkan dengan baik	Bertanggungjawab pada tugas yang dibenarkan	Mengukuhkan minda keusahawanan	Mampu menunjukkan nilai mata-mata semasa melaksanakan tugasan
TAHAP 3	Melaksanakan kemahiran asas dengan baik dan dapat menyempurnakan tugasan yang diberikan berfikir, tepat dan kreatif tanpa bergantung kepada orang lain dan latihan awal yang terpadu. Pelajar mempunyai minat, boleh berfikir dan bersedia untuk bekerja.	Menunjukkan pengetahuan dalam arahan yang disiplin yang berkaitan dengan disiplin	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran bagi menyelesaikan masalah mudah berkaitan subjek atau disiplin dalam bidang	Dapat mendemonstrasi kemahiran asas terbalik berkaitan subjek atau disiplin mengimbas peraturan, kaedah dan bahan secara terpadu	Boleh berinteraksi dan berhubung dengan penyairan dan rakan serta individu sekeliling	Boleh berinteraksi dan berhubung dengan baik	Menggunakan gajet atau aplikasi digital yang mudah serta menggunakan data sedia ada bagi menyelesaikan tugasan secara terpadu	Mampu bekerja dalam kumpulan, mengesan rakan dalam kumpulan serta tahu tanggungjawab untuk menyelesaikan tugasan yang dibenarkan	Menunjukkan kemampuan untuk melaksanakan tugasan dengan baik	Mengemalkan minda keusahawanan	Mematuhi prosedur, mematuhi masa, cekap dan teratur
DIPLOMA	Berpergerakan dan berkemampuan dalam disiplin ilmu yang membolehkan pelajar menguasai tugas teknik yang tertentu	Menunjukkan pengetahuan terbalik dan terbalik yang kompleks dalam membekalkan tugas rutin dan bukan rutin di dalam bidang	Menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin di dalam bidang	Mengaplikasikan kemahiran praktikal berbanding kaedah dan prosedur tertentu dalam melaksanakan tugasan yang dibenarkan	Boleh mengamalkan kemahiran berinteraksi dan berhubung dengan rakan serta berkolaborasi semasa melaksanakan tugasan	Boleh berinteraksi dan berhubung dengan rakan dan berhubung dengan rakan	Memerlukan pengurusan gajet atau aplikasi bagi menguruskan maklumat dan menyelesaikan tugasan berkaitan bidang	Menggunakan dan menguruskan berbagai maklumat untuk menyelesaikan isu di tempat kerja	Berusaha untuk mengukuhkan kualiti dan berorientasi bagi meningkatkan pengetahuan dan maklumat profesional	Menyerta aktiviti keusahawanan	Mengamalkan etika keusahawanan

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

Pentaksiran adalah suatu kaedah pengumpulan data langsung dan tidak langsung serta bukti pembelajaran pelajar yang dijalankan secara sistematik, berterusan dan berulang dengan menggunakan sumber yang pelbagai dan berbeza (Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar). Data dan bukti ini digunakan bertujuan menambah baik kualiti dan prestasi pelajar.

Kepentingan pentaksiran:

- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar;
- merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tersusun dan sistematik;
- mengetahui prestasi sebenar pelajar; dan
- merancang, melaksana aktiviti tindakan susulan yang berkesan.

Pentaksiran bagi pelajar OKU adalah bertujuan untuk mendapat maklum balas terhadap tahap penguasaan pelajar dalam taksonomi pembelajaran yang terbahagi kepada tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Jadi, ianya membantu pelajar untuk mencapai perkembangan pengetahuan, keupayaan teknikal dan kemahiran insaniah dalam bidang tertentu.

4.1 PRINSIP


Pentaksiran dan penilaian merupakan teras utama dalam reka bentuk program pengajian dan dipetakan dengan hasil pembelajaran dan matlamat program. Aktiviti pentaksiran ditentukan berdasarkan konteks disiplin atau kursus serta peluang untuk membangunkan pelbagai kaedah pentaksiran bagi menilai tahap intelektual dan kemahiran generik pelajar melibatkan domain kognitif, psikomotor dan afektif sejajar dengan dokumen kurikulum melalui:

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

- Pentaksiran formatif iaitu pentaksiran kemajuan pelajar sepanjang kursus. Maklum balas daripada aktiviti-aktiviti pembelajaran digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar.
- Pentaksiran sumatif iaitu penilaian pembelajaran yang mengukur dan merumuskan kemajuan pelajar pada satu masa tertentu dan digunakan untuk memberikan pelajar gred kursus.

Pengurusan pentaksiran dan penilaian perlu dilaksanakan oleh individu yang kompeten dan cekap.



Rajah 4.1: Model Pentaksiran JPPKK

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

4.2 REKA BENTUK PENTAKSIRAN

Reka bentuk pentaksiran dan penilaian dibangunkan berdasarkan kepada penjajaran konstruktif untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran kursus seperti yang terkandung dalam dokumen kurikulum. Reka bentuk pentaksiran juga dibentuk dengan jelas dan tepat membolehkan penilaian formatif dan sumatif dapat dilaksanakan dengan baik oleh pelajar sejajar dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan.

Reka bentuk pentaksiran bagi pelajar OKU ditetapkan dengan 100% pentaksiran berterusan dengan memberi penekanan kepada domain psikomotor dan afektif. Setiap Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) perlu diuji dengan sekurang-kurangnya satu pentaksiran. Namun begitu setiap HPK tidak boleh diuji dengan aktiviti pentaksiran yang sama berulang kali. Penetapan jenis komponen pentaksiran adalah bergantung kepada kandungan kursus dalam sesuatu program.

Bilangan pentaksiran perlu sejajar dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dan Jam Pembelajaran Pelajar (JPP). Penetapan had bilangan pentaksiran adalah seperti berikut;

- 1 Kredit : 2 hingga 3 bilangan pentaksiran;
- 2 Kredit : 2 hingga 4 bilangan pentaksiran;
- 3 Kredit : 3 hingga 5 bilangan pentaksiran.

4.3 KAEDAH PENTAKSIRAN

Kaedah pentaksiran dan penilaian berdasarkan Taksonomi Pembelajaran yang melibatkan domain kognitif, psikomotor dan afektif. Saranan kaedah pentaksiran berdasarkan domain pembelajaran adalah seperti Jadual 4.1.

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

Jadual 4.1: Saranan Kaedah Pentaksiran

Domain Pembelajaran	Saranan Kaedah PdP	Saranan Kaedah Pentaksiran
Kognitif	Pembacaan Terarah, Perbincangan, Kuliah, Tutorial, Latih tubi, Seminar, Pembelajaran berasaskan masalah.	Ujian, Kuiz, Tugas Bertulis, Laporan, Folio, Pembentangan, Temu Bual,
Psikomotor	Demonstrasi, “ <i>Role play</i> ”, Kerja Kumpulan, Kerja Makmal, Tugas, Pembelajaran berasaskan projek.	Tugas Amali, Ujian Amali, Mini Projek, Simulasi, Demonstrasi.
Afektif	Kerja Kumpulan, Tugas, Pembelajaran berasaskan Projek,	Pembentangan, Temu Bual, Demonstrasi, Lakonan, “ <i>Role play</i> ”.

4.4 PELAKSANAAN

Pengurusan pentaksiran bagi pelajar OKU tertakluk kepada peraturan peperiksaan dan kaedah penilaian politeknik dan kolej komuniti yang sedang berkuat kuasa. Sistem penilaian perlu adil dan efektif kepada semua kategori ketidakupayaan serta menepati reka bentuk setiap program.

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

Sebarang penyesuaian munasabah boleh dilaksanakan untuk membantu pelajar OKU melengkapkan pentaksiran berterusan selagi dapat mengukur dan mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi sesuatu kursus. Antara elemen yang ditekankan ialah;

- 01 Format dokumen pentaksiran disediakan dalam bentuk yang boleh diakses berdasarkan keperluan pelajar OKU.
- 02 Kaedah penyampaian pentaksiran kepada pelajar OKU bersesuaian dengan ketidakupayaan dan keperluan khas pelajar OKU
- 03 Kaedah penyampaian pelajar OKU kepada pensyarah adalah fleksibel mengikut ketidakupayaan pelajar OKU
- 04 Persekitaran, peralatan dan perkhidmatan yang sesuai serta kondusif
- 05 Peruntukan tempoh masa yang lebih lama bagi setiap komponen pentaksiran berterusan

Jadual 4.2: Peruntukan Masa bagi Pelajar OKU

Bil.	Tempoh masa pelaksanaan bagi pelajar aliran perdana	Tempoh masa tambahan bagi pelajar OKU
1.	≤ 1 jam 30 minit	30 minit
2.	> 1 jam 30 minit ≤ 2 jam 30 minit	1 jam
3.	> 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

4

PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR OKU

4.5 PENGREDAN DAN PEREKODAN

Pengredan pelajar berdasarkan jumlah pencapaian pelajar melalui komponen pentaksiran yang dijalankan merujuk kepada dokumen kurikulum sesuatu program pengajian. Tafsiran gred adalah gambaran hasil kualiti kerja pelajar sepanjang tempoh pengajian.

Semua pentaksiran sumatif perlu direkod dalam sistem pengurusan peperiksaan dan penilaian yang telah ditetapkan. Markah yang diperolehi oleh pelajar dalam suatu kursus akan diberi nilai mata dan gred mengikut kumpulan seperti Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Cadangan Sistem Gred Pelajar OKU

Markah	Nilai Mata	Gred	Status
90 – 100	4.00	A+	Sangat Cemerlang
80 – 89	4.00	A	Cemerlang
75 – 79	3.67	A-	Kepujian
70 – 74	3.33	B+	
65 – 69	3.00	B	
60 – 64	2.67	B-	Baik
55 – 59	2.33	C+	
50 – 54	2.00	C	
47 – 49	1.67	C-	Lulus Bersyarat
44 – 46	1.33	D+	
40 – 43	1.00	D	
0 – 39	0.00	F	Gagal

5

PEMILIHAN PELAJAR OKU

Akses kepada pendidikan tinggi merupakan hak asasi semua warganegara Malaysia, termasuk pelajar OKU. Malaysia telah mengiktiraf hak pendidikan golongan OKU selaras dengan United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD) dan beberapa perjanjian antarabangsa yang diperakui oleh kerajaan Malaysia (Tahir L.M. *et al.*,2009).

Dasar pengambilan pelajar OKU Polycc ditentukan oleh KPT dan Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK.

BAPP, JPPKK adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam urusan pengambilan dan rekod pelajar Polycc disamping bertanggungjawab dalam urusan permohonan, pemilihan dan penempatan pelajar (Prosedur Operasi Standard Penjajaran & Penawaran Program Pengajian Politeknik & Kolej Komuniti dan Buku Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti EDISI 9, 2019)



Rajah 5.1: Pengurusan Pengambilan Pelajar dan Promosi Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti

5

PEMILIHAN PELAJAR OKU


5.1 LALUAN KEMASUKAN PELAJAR OKU



Rajah 5.2: Laluan Sijil Khas Asas (Tahap 2)



Rajah 5.3: Laluan Sijil Khas (Tahap 3)



Rajah 5.4: Laluan Diploma Khas (Tahap 4)


5.2 KEMASUKAN PELAJAR OKU



Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) dan Bahagian Perancangan dan Institusi (BPPI) bertanggungjawab dalam penyediaan dan penetapan Norma Ambilan Pelajar melalui Surat Penyelarasan Norma Tahunan JPPKK



Pihak Polycc dikehendaki menyimpan Surat Penetapan Norma Tahunan dari JPPKK bagi tempoh dua (2) tahun dari sesi ambilan semasa



Tempoh pengajian PPEP OKU bagi Sijil Khas (Tahap 2) adalah selama 1 tahun bersamaan 30 jam kredit




Pelajar yang telah tamat Sijil Khas (Tahap 2) boleh menyambung pengajian ke Sijil Khas (Tahap 3) dan melakukan pemindahan kredit melalui pemetaan program Sijil Khas (Tahap 3)




Tempoh pengajian PPEP OKU bagi Sijil Khas (Tahap 3) adalah selama 2 tahun.



Tempoh pengajian PPEP OKU bagi Diploma Khas (Tahap 4) adalah selama 3 tahun bersamaan 90 jam kredit



Pelajar yang telah tamat Sijil Khas (Tahap 3) boleh menyambung pengajian ke Diploma Khas (Tahap 4) dan melakukan pemindahan kredit melalui pemetaan program Diploma Khas (Tahap 4)




Rujukan : Buku Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti, EDISI 9, 2019


5

PEMILIHAN PELAJAR OKU

5.3 SYARAT KEMASUKAN PELAJAR OKU



Rajah 5.5: Syaratambilan pelajar OKU Sijil Khas (Tahap 2)



Rajah 5.6: Syaratambilan pelajar OKU Sijil Khas bagi Politeknik (Tahap 3)



Rajah 5.7: Syaratambilan pelajar OKU Sijil Khas bagi Kolej Komuniti (Tahap 3)

5

PEMILIHAN PELAJAR OKU



Rajah 5.8: Syarat ambilan pelajar Diploma Khas (Tahap 4)

5.4 UJIAN SARINGAN

Dijalankan dan diuruskan oleh pihak institusi di institusi masing-masing

Ujian Penguasaan 3M

- Dijalankan kepada pelajar masalah pembelajaran sahaja.
- Dinilai berdasarkan penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira)

Ujian Teknikal Bidang

- Dijalankan mengikut bidang kursus yang ditawarkan.
- Aspek yang dinilai adalah: keselamatan, alatan, bahan dan prosedur kerja

5.4 KAEDAH PERMOHONAN

01

Portal <http://ambilan.mypolycc.edu.my>

02

Permohonan kehadiran terus ke institusi

STAF AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK

Staf akademik dalam bidang OKU terdiri daripada kalangan pensyarah yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam bidang pengkhususan dalam penggunaan sumber yang berkesan. Pensyarah juga perlu menguasai kaedah dan teknik pengajaran untuk membimbing pelajar OKU ini supaya mampu berdikari dan mandiri serta menjadi salah satu golongan penyumbang kepada pembangunan sumber manusia negara.

Staf bukan akademik merupakan kumpulan sokongan yang terdiri daripada juru bahasa, pembantu pelajar OKU, pembantu makmal dan penolong pegawai pertanian mengikut kesesuaian bidang pengajian yang ditawarkan.

6.1 SYARAT KELAYAKAN PENSYARAH



Seorang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)



memiliki sekurang-kurangnya kelayakan Diploma dalam bidang berkaitan



memiliki Sijil Profesional Pendidikan Khas.

ATAU

Pensyarah mempunyai kelulusan Diploma Pendidikan Khas atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas / Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas (pengkhususan bahasa isyarat) dan perlu menghadiri kursus peningkatan kemahiran (*upskilling*) bidang pengkhususan yang diajar.

6.2 KELAYAKAN IKHTISAS

Tenaga pengajar perlu menghadiri kursus asas pendidikan khas bagi meningkatkan kemahiran dalam pengendalian pelajar OKU. Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta sesuai dengan kemampuan pelajar OKU dijangka dapat mempertingkatkan minat mereka terhadap kursus yang dipelajari.

6.3 KELAYAKAN TAMBAHAN

Tenaga pengajar digalakkan menghadiri kursus-kursus berkaitan pelajar khas setiap 3-5 tahun bagi memastikan program pengajaran ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kursus-kursus upskilling dan reskilling yang dihadiri haruslah berkaitan dengan kepakaran teknikal dan ikhtisas.

6.4 NISBAH TENAGA PENGAJAR KEPADA PELAJAR OKU

Nisbah tenaga pengajar kepada pelajar OKU penting dalam pelaksanaan pembelajaran yang lebih berkualiti dan berkesan. Bilangan tenaga pengajar dalam pelaksanaan PPEP OKU merujuk kepada Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Bilangan tenaga pengajar dalam pelaksanaan PPEP OKU

Norma Pelajar OKU	Tenaga Pengajar
1 – 5	1
6 - 10	2
11 - 15	3
16 - 20	4
21 – 25	5
26 - 30	6

6.5 PEMBANTU PELAJAR OKU

Pembantu pelajar OKU merupakan lantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) gred N17 / N22 dengan gelaran jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) bertujuan untuk membantu proses PdP pelajar OKU, menjaga hal ehwal pelajar OKU dan membantu pengurusan pelajar OKU di asrama (jika berkenaan).

6.6 PEMBANTU PENGURUSAN PdP

Pembantu pengurusan PdP terdiri daripada Juru Bahasa, Pembantu Makmal/ Penolong Pegawai Pertanian merupakan lantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dengan tujuan untuk membantu penyediaan bahan mentah, peralatan dan tempat.

6.7 NISBAH PEMBANTU PELAJAR OKU DAN PENGURUSAN PdP

Perkiraan bilangan pembantu pelajar OKU dan pengurusan PdP merujuk Jadual 6.2, Nisbah Pembantu Pengurusan Murid (PPM) bagi sekolah menengah.

Jadual 6.2: Nisbah PPM bagi Sekolah Menengah

Norma Pelajar OKU	Kelayakan Jawatan PPM (N17)
1 – 15	1
16 - 30	2
31 - 45	3
46 - 60	4
61 – 80	5
81 - 100	6
101 - 120	7
121 - 140	8
141 ke atas	9

Rujukan:

Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi, (2015)

7.1 FASILITI PENDIDIKAN OKU

Dasar Sosial Negara yang dilancarkan pada 19 Ogos 2003 telah menetapkan bahawa keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat hendaklah dipenuhi. Selaras dengan dasar ini, dalam konteks penawaran program kepada pelajar OKU seharusnya kumpulan pelajar ini mempunyai hak yang sama dan tidak boleh dihalang daripada menikmati kemudahan - kemudahan yang disediakan dalam menjalankan tugas harian, menimba ilmu, bergerak ke mana sahaja dan kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati oleh pelajar lain.

Selain itu, dasar OKU menegaskan keutamaan memberi kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan keperluan-keperluan khusus dan kemudahan berkaitan OKU perlu diambil kira dalam menyediakan fasiliti pendidikan yang kondusif selaras dengan Akta 685 – Akta Orang Kurang Upaya 2008;

7.1.1 ELEMEN-ELEMEN KRITIKAL BERKAITAN KEPERLUAN OKU DI DALAM BANGUNAN

Kaedah terbaik untuk memenuhi keperluan dan kemudahan asas OKU di sesebuah fasiliti pendidikan ialah dengan memastikan bahawa kehendak-kehendak dan keperluan mereka diambil kira dan dirancang pada peringkat awal reka bentuk lagi. Namun begitu, fasiliti sedia ada yang masih belum lengkap kemudahan asas OKU, penambahbaikan dan projek menaik taraf boleh dilaksanakan dari masa ke masa bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki selaras dengan kehendak Garis Panduan ini.

Beberapa garis panduan sedia ada yang perlu dirujuk semasa merekabentuk projek-projek pembangunan fasiliti pendidikan termasuklah:

- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685);
- Akta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, undang-undang kecil 34A;
- *Malaysian Standard MS 1184: Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice;*
- *Malaysian Standard MS 1183: Part 8: 1990 Specification for Fire Precautions In The Design and Construction of Buildings Part 8 : Code of Practice for Means of Escape for Disabled People;* dan
- *Malaysian Standard MS 2015 – Public Toilets Part 1: Minimum Design Criteria.*

Elemen-elemen reka bentuk yang kritikal perlu diberi penekanan dan diambil kira di peringkat awal reka bentuk adalah seperti berikut:

Kebolehcapaian (Accessibility)

Merekabentuk bangunan yang mudah diakses oleh pelajar kelainan upaya pergerakan; seperti pelajar yang menggunakan kerusi roda, pejalan kaki atau peranti bantuan lain. Ini melibatkan pemasangan tanjakan, lif dan pintu yang lebih luas untuk membolehkan pergerakan mudah di seluruh bangunan.

Keselamatan (Safety)

Bangunan yang dibina atau ubahsui yang dibuat mestilah menerapkan ciri-ciri keselamatan, seperti lantai yang tidak licin, aras lantai yang sekata, tiada bucu-bucu tajam dan pemasangan pagar keselamatan di tempat yang bersesuaian. Selain itu, halangan-halangan serta bahan atau peralatan yang berbahaya hendaklah dielakkan di sepanjang laluan pelajar.



PENCAHAYAAN

Pencahayaan yang terbaik adalah pencahayaan semulajadi, namun begitu sekiranya rekabentuk bangunan menghadkan penerimaan pancaran cahaya matahari penggunaan lampu boleh digunakan pada kadar kecerahan yang mencukupi, terang dan sekata di seluruh bangunan. Selain itu, suis pemalap (dimmer switch) boleh dipasang bagi memberikan keselesaan kepada pelajar yang sensitif kepada cahaya.



FLEKSIBILITI

Fleksibiliti adalah kunci dalam merekabentuk bangunan untuk pelajar kelainan upaya kerana keperluan mereka mungkin berubah dari masa ke semasa. Bangunan harus direka dengan mengambilkira ciri-ciri fleksibiliti dan mudah diubah suai pada masa hadapan, penghadang boleh alih atau perabot yang boleh dikonfigurasikan semula dengan mudah.



AKUSTIK

Akustik adalah penting untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan berkesan kepada pelajar. Bahan penyerap bunyi, seperti permaidani dan panel akustik boleh membantu mengurangkan tahap bising dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa. Di samping itu, penempatan pembesar suara dan peralatan lain perlu dipertimbangkan dengan teliti untuk meminimumkan gangguan dan bunyi bising.



PAPAN TANDA

Papan tanda yang jelas dan mudah dibaca boleh membantu pelajar masalah pembelajaran mengenal susun atur bangunan dan mencari kawasan penting seperti bilik darjah dan tandas. Pemilihan warna dan saiz tulisan adalah penting bagi memudahkan pembacaan papan tanda oleh pelajar OKU. Di samping itu, papan tanda sentuhan (seperti Braille atau huruf timbul) juga boleh dipasang untuk pelajar cacat penglihatan.

**KAEDAH KESELAMATAN
DAN KECEMASAN**

Kaedah keselamatan dan kecemasan seperti sistem siaraya dan tanda amaran perlulah daripada jenis yang boleh didengar (seperti suara, siren dan lain-lain) dan dilihat (seperti lampu amaran, warna terang dan sebagainya).

Bagi memastikan fasiliti yang dibangunkan ini dapat digunakan secara optimum dalam kalangan pelajar OKU, perancangan awal perlulah dilaksanakan dengan bentuk dan praktikal. Untuk itu piawaian-piawaian yang dinyatakan hendaklah dirujuk dan dipatuhi semasa penyediaan reka bentuk bangunan.

7.2 PEMATUHAN

Keperluan-keperluan yang akan disediakan perlulah dirancang menggunakan perincian yang betul dan praktikal supaya ianya dapat digunakan oleh OKU dengan berkesan. Untuk itu piawaian-piawaian yang dinyatakan hendaklah dirujuk dan dipatuhi semasa penyediaan reka bentuk bangunan.

7.3 PEMBELAJARAN DIGITAL

Kaedah Pembelajaran secara digital yang perlu ada seperti berikut;

bagi pelajar berkeupayaan mendengar tetapi menghadapi masalah penglihatan, tenaga pengajar akan menggunakan aplikasi *Google Classroom* untuk mengajar serta memberi arahan.



bagi pelajar OKU penglihatan, PdP dikendalikan menggunakan perisian *Job Access With Speech (JAWS)* untuk membolehkan mereka menulis dan membaca perkongsian yang diberikan tenaga pengajar dalam tulisan *Braille*, malah mencetak bahan menggunakan mesin khas.



bagi pelajar OKU pendengaran, tenaga pengajar perlu menggunakan teknik pengajaran visual, seperti video dengan medium komunikasinya adalah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) ataupun Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM).



bagi kelas secara efektif, tenaga pengajar perlu memberikan arahan pendek, ringkas dan padat melalui video.



bagi pelajar OKU Masalah Pembelajaran yang mempunyai masalah membaca, kanak-kanak lembam, sindrom down, kurang upaya intelektual, spastik, hiperaktif serta gangguan mental, memerlukan tenaga pengajar mendekati mereka melalui kaedah *multisensory* iaitu bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi, pendengaran dan penulisan untuk memastikan tunjuk ajar diberi mampu dikuasai. Selain itu, penggunaan media interaktif yang menarik melalui huruf, saiz teks, warna, imej dan grafik juga dapat membantu penumpuan pelajar OKU masalah pembelajaran di dalam kelas.

7.4 SUMBER RUJUKAN

Menyediakan kemudahan perisian yang mesra OKU seperti berikut:

Braille

Braille diibaratkan sebagai 'mata' dan 'nyawa' kepada orang buta. Menerusi Braille, mereka boleh mendapat pelbagai informasi, menambah ilmu dan membaca kisah-kisah menarik. Braille dihasilkan secara manual iaitu ditaip dengan menggunakan mesin taip di atas sekeping kertas khas yang akan menimbulkan huruf Braille.

**Perisian pembaca skrin
(screen reader)**

Perisian pembaca skrin merupakan satu perisian yang mengandungi komponen sintesis pengucapan yang akan mengucapkan sebarang teks yang muncul pada skrin.

Naturally Speaking

Perisian Naturally Speaking berfungsi untuk menerima arahan secara lisan dan mengubahnya dalam bentuk perkataan secara automatik. Bagi OKU fizikal seperti kehilangan tangan, perisian ini dapat membantu mereka untuk menggunakan perisian sebagai medium komunikasi dan sebagainya.

**Perisian 'sticky keys' atau
'latch key'**

Perisian ini merupakan satu alternatif yang lain bagi mengatasi masalah menekan dua atau tiga kekunci pada masa yang sama kepada OKU fizikal.

Ruby Open Book

Ruby Open Book boleh digunakan untuk mengimbas teks pada mukasurat buku dan membacakan kandungan teks tersebut kepada pengguna. Perisian ini membolehkan pengguna yang kurang upaya penglihatan mendengar isi kandungan buku tersebut tanpa memerlukan proses menukar kandungannya ke bentuk Braille.

Perisian Dr Speech

Perisian ini dicipta khusus sebagai satu kaedah terkini untuk pendidikan pertuturan sebagai kegunaan guru-guru, ahli terapi, ahli patologi bahasa, doktor yang merawat pesakit yang menghadapi masalah bertutur kerana penyakit dan kecacatan.

Speech Therapy

Merupakan satu perisian komputer yang berbentuk interaktif, tersusun dan mudah digunakan. Ia dihasilkan bagi membantu kanak-kanak dan orang dewasa dalam latihan pengeluaran dan pengawalan suara serta pertuturan awal.

Dr. Hearing

"Dr Hearing" merupakan satu perisian komputer yang berbentuk interaktif dan sesuai digunakan untuk kanak-kanak dengan masalah pendengaran untuk meneroka dan mengenalpasti bunyi.

JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN

JPPKK dan institusi di bawah kawalannya komited dalam peningkatan kualiti secara berterusan terhadap PPEP OKU politeknik dan kolej komuniti yang ditawarkan bagi mencapai aspirasi negara iaitu sebagai peneraju dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara.

8.1 KEPIMPINAN JAMINAN KUALITI

Jawatankuasa Jaminan Kualiti PPEP OKU di peringkat JPPKK atau institusi atau yang setara dengannya diwujudkan bagi merancang, melaksana, memantau dan menambah baik kualiti pemberian perkhidmatan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) program pengajian secara terancang dan sistematik.

8.2 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

Sistem Pengurusan Kualiti hendaklah diamalkan di setiap institusi bagi tujuan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan, memberi fokus kepada kehendak dan jangkaan pelanggan, melakukan penambahbaikan secara berterusan serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi yang mesra pelajar OKU. Institusi perlu membudaya dan menerapkan elemen keselamatan, kesihatan pekerjaan serta persekitaran yang mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa.

8.3 PEMBANGUNAN KAPASITI BERKAITAN JAMINAN KUALITI

Peningkatan pengetahuan dan pemahaman terhadap maklumat dan aktiviti jaminan kualiti hendaklah dilaksanakan secara berkala melalui latihan kepakaran pengurusan pendidikan khas (dalam dan luar negara), bengkel, kursus, taklimat, dan lain-lain.


JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN

8.4 PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)

Proses CQI PPEP OKU perlu dilaksanakan bermula daripada maklum balas berkaitan seperti:

- Laporan Audit Dalaman dan Luaran
- Laporan Akreditasi Program
- Maklum balas daripada Jawatankuasa Panel Penasihat
- Dapatan analisis hasil pembelajaran
- Maklumbalas Pemegang Taruh daripada mana-mana sumber (contoh)

Hasil maklumbalas bagi semua perkara di atas perlu disediakan satu Laporan Analisa Pelaksanaan CQI PPEP OKU bagi membuktikan pelaksanaan CQI telah dibuat bagi tujuan *close the loop*.



Rajah 8.1: Kerangka Konsep Pelaksanaan Pelan Penambahbaikan Berterusan

JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN

8.5 AKREDITASI

Akreditasi merupakan satu proses kawalan kualiti secara luaran terhadap kursus pengajian dalam sesebuah institusi pendidikan bagi menjamin dan meningkatkan kualiti pendidikan. Terdapat dua tahap akreditasi PPEP OKU. Tahap pertama ialah Akreditasi Sementara yang mengesahkan bahawa suatu program berkenaan telah memenuhi keperluan minimum. Tahap kedua ialah Akreditasi Penuh yang merupakan satu penganugerahan menandakan bahawa suatu program itu telah memenuhi kriteria dan standard yang ditentukan dan mematuhi MQF.

8.6 BADAN PENGIKTIRAFAN

Di Malaysia, pelaksanaan akreditasi pendidikan OKU adalah sama seperti negara Australia, Singapura dan New Zealand di mana ianya tidak mempunyai badan akreditasi khas untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti program khas di peringkat pengajian tinggi. Walaubagaimanapun, badan akreditasi sedia ada di Malaysia seperti MQA, MBOT dan ETAC hanya menyelia dan menyelaras jaminan kualiti program sepenuh masa, manakala program pendidikan eksklusif pelajar orang kurang upaya masih tiada akreditasi daripada mana-mana badan atau agensi pemberi akreditasi. Kod amalan badan-badan akreditasi yang sedia ada kini hanyalah mengawalselia akreditasi bagi program-program berkeperluan khas berkaitan OKU secara inklusif yang diiktiraf sama rata dengan pelajar-pelajar normal di dalam program-program sepenuh masa.

8.6.1 Agensi Kelayakan Malaysia / Malaysian Qualifications Agency, (MQA)

Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

JAMINAN KUALITI BERTERUSAN PROGRAM PENGAJIAN

MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara. MQF merupakan rujukan utama kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam jaminan kualiti untuk membangun dan menawarkan program. MQF juga berperanan untuk memberi pentauliahan program dan kelayakan pendidikan tinggi, untuk mengawasi dan mengatur kualiti dan standard penyedia pendidikan tinggi disamping mengawal selia Daftar Kelayakan Malaysia / Malaysian Qualification Register. Oleh hal yang demikian semua standard program perlu patuh kepada MQF.

Jadual 8.1: Antara negara yang mempunyai badan akreditasi sedia ada dan badan akreditasi khas bagi pelajar OKU.

Negara	Badan Akreditasi Sedia ada	Badan Akreditasi Khas (OKU)
USA	Council of Higher Education Accreditation (CHEA)	National Commission for the Accreditation of Special Education Services (NCASES)
JEPUN	Quality Assurance and Accreditation System (QAAS)	National Institute for Special Needs Education (NISE)
INDIA	National Assessment and Accreditation Council (NAAC)	Skill Council for persons with disability
AUSTRALIA	Australia Qualification Framework (AQF)	-
SINGAPURA	Singapore Accreditation Council (SAC)	-
NEW ZEALAND	New Zealand Qualification Authority (NZQA)	-

RUJUKAN

Abad 21: Trend Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia, 2018: Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia

Akra Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013

Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi (2015). Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Garis Panduan Amalan Baik: Rekabentuk dan Penyampaian Kurikulum, 2011 : Malaysian Qualification Agency.

Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, 2018, Edisi Kedua.

Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia, 2019: Agensi Kelayakan Malaysia

Garis Panduan Pengambilan Pelajar Kolej Komuniti, Edisi 9

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi), 2015 Kementerian Pendidikan Malaysia

Program Transisi ke Kerjaya: Manual Jurulatih (2020). Yayasan Gamuda Enabling Academy

Tahir, L.M., Mustafa, N.Q., Yassin, M.H.M. (2009) Pendidikan Teknik dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jilid 24, 73-87

Zainai Mohamed (2006). Managing Student Learning Time for Effective Learning.



RUJUKAN

<https://www.positiveaction.net/blog/teaching-special-education-strategies>

[https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?
r=portal/left&id=S21mRko0WlF4dUNhWW9OZDdMWUZ0Zz09](https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=S21mRko0WlF4dUNhWW9OZDdMWUZ0Zz09)

<https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/Bahan%20Artikel%20Risalah%20GP/GP%20PPJC%202018.pdf>

Buku Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti Malaysia
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Edisi 2022

LAMPIRAN 1

UJIAN SARINGAN SECARA BERSEMUKA

UJIAN TEKNIKAL BIDANG

Berdasarkan aspek seperti berikut



LAMPIRAN 2

PELAKSANAAN PENDEKATAN AKREDITASI ANTARABANGSA UNTUK OKU

NEGARA	LEMBAGA AKREDITASI	UNIT KHAS (INSTITUSI)	DASAR	PIAWAIAN	CATATAN
AUSTRALIA	Australia Qualification Framework (AQF)	Disability Service Unit	Discrimination Disability Act 1992	(Disability Standards for Education 2005)	https://education.nsw.gov.au/teaching-and-learning/disability-learning-and-support/personalised-support-for-learning/disability-standards-for-education-
USA	National Commission for the Accreditation of Special Education Services (NCASES)	Disability Service Unit Office of special education programme (osers)	Individual Disabilities education act (IDEA) 2004.	National commission for the accreditation of special education services-standard for education	https://0201.nccdn.net/1_2/000/000/16b/e38/2021-ncases-standards-v2.pdf
JAPAN	National Institute for Special Needs Education (NISE)	Disability Service Unit	Disable Person's Fundamental Law	Tidak dijumpai	http://www.rehab.go.jp/english/pdf/pamphlet.pdf

LAMPIRAN 3

PELAKSANAAN PENDEKATAN AKREDITASI ANTARABANGSA UNTUK OKU

NEGARA	LEMBAGA AKREDITASI	UNIT KHAS (INSTITUSI)	DASAR	PIAWAIAN	CATATAN
SINGAPORE	Singapore Accreditation Council (SAC)	Special educational Needs (SEN) Support office	United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNRPD)- article 24		https://www.un.org/development/desa/disabilities/convention-on-the-rights-of-persons-with-disabilities/article-24-education.html
NEW ZEALAND	New Zealand Qualification Authority	Disability Service Unit	New zealand-Education and Training Act 2020 - Section 34		https://www.education.govt.nz/school/student-support/special-education/education-disability-legislation/
INDIA	Skill Council for Persons with Disability	Skill Council for Persons with Disability	The Rights Of Persons With Disabilities Act, 2016: India	National Occupational Standards (NOS), India	https://nsdcindia.org/nos-listing/38
MALAYSIA	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Persons with Disabilities Act 2008 (685) - Section 28	National Occupational Skill Standard	Pelaksanaan melalui kaedah Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT) secara penilaian amalisekolah pendidikan khas

LAMPIRAN 4

SENARAI BADAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO'S MALAYSIA) DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN OKU

BIL	BADAN KERAJAAN	BADAN BUKAN KERAJAAN	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	LAIN-LAIN
1.	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT		<ul style="list-style-type: none"> • Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau "Community-Based Rehabilitation" (CBR) • PDK "One Stop Centre" • PDKNet (program IT dan Multimedia bagi membantu golongan kurang upaya) • Memberi penajaan, perlindungan, pemulihan dan latihan kepada OKU Kategori Pembelajaran • Menyediakan peluang pekerjaan di Unit Kerja (Bengkel Perusahaan) kepada pekerja OKU seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan dan bistro (restoran). • Memberi latihan vokasional dan pemulihan perubatan kepada OKU kebanyakannya kategori fizikal. • Menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan OKU (matlamat sendiri, kemahiran <i>Independent Living</i>) 	
2.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA		<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Pendidikan khas • Program Pendidikan khas Integrasi • Program Pendidikan Inklusif • Pendidikan Islam dan Pendidikan Khas • Program Pemulihan Khas • Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) • Rancangan Pendidikan Individu 	

LAMPIRAN 4

SENARAI BADAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO'S MALAYSIA) DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN OKU

3.	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI		<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Kewangan OKU (BKOKU) Program Pendidikan Khas (Inklusif) UITM table 	
4.		YAYASAN FAKEH (Yayasan Pendidikan Alquran anak-anak istimewa)	<ul style="list-style-type: none"> Terapi alami (coloring) Forum khas Ibubapa (tarbiyah aulad) Kolaborasi IPT berkaitan program (UM) pengajaran secara one-to-one atau kumpulan yang agak kecil untuk lebih fokus. 	<ul style="list-style-type: none"> Kelas Al-Quran kanak-kanak OKU (seperti sindrom down, cerebral palsy, hiperaktif (ADHD), autisme dan disleksia.) mempunyai visual kecacatan, kecacatan pendengaran dan ketidakupayaan pembelajaran, Kurikulum Pendidikan al-Quran <ul style="list-style-type: none"> umur 5-12
5.		PERSATUAN KANAK-KANAK ISTIMEWA BANGI	<ul style="list-style-type: none"> Fan club (Anjung Kaseh) Program kolaborasi IPT 	Pengajian Al-Quran bagi anak-anak bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran seperti autisme, sindrom down dan sebagainya. 7-12
6.		PERMATA GENIUS KURNIA (KPM) Children aged between 4 to 6	<ul style="list-style-type: none"> amalan berasaskan bukti dan pengajaran naturalistik dengan kerjasama antara kumpulan transdisiplin penyertaan aktif Ibu bapa. 	Pusat Intervensi awal untuk kanak-kanak autisme. bagi menyediakan mereka ke sekolah arus perdana.
7.		YAYASAN GAMUDA	<ul style="list-style-type: none"> Menawarkan Program Peralihan Pekerjaan yang menyediakan latihan pra-pekerjaan dan sokongan penempatan pekerjaan untuk autisme Bekerjasama dengan syarikat rakan kongsi untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang mampan untuk autisme membantu bella dalam spektrum autisme mendapatkan pekerjaan mampan 	https://gamuda.com.my/wp-content/uploads/2022/04/Employee-Transition-Programme_Bahasa.pdf 21 ke atas Impact

LAMPIRAN 4

SENARAI BADAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO'S MALAYSIA) DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN OKU

			<ul style="list-style-type: none">• melengkapi pelatih dengan kemahiran Insaniah yang berkaitan dan latihan kerja praktikal yang penting dalam pekerjaan	
8.		WQ PARK (Pusat rawatan)	<ul style="list-style-type: none">• Terapi Pertuturan,• Terapi Pekerjaan,• Membaca,• Fatah dan• Hidroterapi	Pusat sehati menyediakan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif berkaitan kecederaan dan penyakit kepada pesakit semua peringkat umur-daripada kanak-kanak hingga dewasa.

LAMPIRAN 5

RUMUSAN AGENSI PELAKSANA PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

PERKARA	KPM	JPK	JKM DI BAWAH PLPP	ENABLING ACADEMY	JPPKK
Penganugerahan sijil	SKM (bagi lepasan SMPKV) / Penyata Pencapaian (PC) (bagi pelajar PPKI)	SKM	SKM Tahap 2, 3		Sijil Kemahiran Politeknik & Sijil Asas Kolej Komuniti
Tempoh masa	2 - 3 tahun			3 bulan	2 tahun
Kefungsian/ kategori OKU	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang upaya pendengaran - Kurang upaya penglihatan - Kurang upaya pertuturan - Kurang upaya 		Kurang upaya fizikal	autisme	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang upaya pendengaran - Masalah pembelajaran

PERKARA	KPM	JPK	JKM DI BAWAH PLPP	ENABLING ACADEMY	JPPKK
	fizikal - Masalah pembelajaran - Pelbagai				
Syarat kemasukan	<ul style="list-style-type: none"> - Warganegara Malaysia - Pemegang kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM - Boleh mengurus diri 		<ul style="list-style-type: none"> - OKU fizikal yang berdaftar dengan JKM - Berumur antara 18-40 tahun - Berkelulusan SPM, PMR atau sekurang-kurangnya boleh membaca, menulis dan mengira - Berkeupayaan menguruskan diri - Bebas dari pengaruh dadah 	<ul style="list-style-type: none"> - Berusia 21 tahun ke atas - Diagnosis autisme atau laporan perubatan rasmi daripada ahli psikologi klinikal atau psikiatri yang berdaftar - Tamat pengajian sekolah menengah atau pengajian tinggi - Memiliki kecenderungan vokasional yang sesuai untuk kerja pentadbiran atau profesional dalam persekitaran korporat 	Sijil Kemahiran Politeknik <ul style="list-style-type: none"> - Warganegara Malaysia - Calon merupakan pelajar berkeperluan khas (ketidakupayaan pendengaran) - Tamat Tingkatan 5 dari Sekolah Pendidikan Khas Kelolaan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia atau Program Pencantuman Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia Sijil Asas Kolej Komuniti

LAMPIRAN 5

RUMUSAN AGENSI PELAKSANA PROGRAM PENDIDIKAN PELAJAR OKU

PERKARA	KPM	JPK	JKM DI BAWAH PLPP	ENABLING ACADEMY	JPPKK
					<ul style="list-style-type: none"> - Warganegara Malaysia - Memiliki Sijil Tamat Persekolahan Sekolah Menengah Tingkatan 5 - Pemegang kad OKU masalah pembelajaran - Menguasai 3M(Membaca, Menulis & Mengira) - Perlu menjalani proses saringan
Kursus ditawarkan			<ul style="list-style-type: none"> - Kursus Pengurusan Pejabat - Kursus Pembuatan Pakaian Wanita - Kursus Pemasangan Elektrik (Satu Fasa), dan - Kursus Prostetik dan Ortotik - Kursus Fabrikasi Logam (Pembuatan Kerusi Roda). 		<ul style="list-style-type: none"> - Sijil Kemahiran Pembinaan - Sijil Kemahiran Penyelenggaraan Mekanikal - Sijil Kemahiran Hotel Dan Katering - Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen Dan Pakaian - Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik - Sijil Asas Kulinari - Sijil Asas Pastri - Sijil Asas Jahitan Kreatif - Sijil Asas Ukiran

PERKARA	KPM	JPK	JKM DI BAWAH PLPP	ENABLING ACADEMY	JPPKK
					<ul style="list-style-type: none"> Kayu - Sijil Asas Pembuatan Seramik - Sijil Asas Pemprosesan Makanan - Sijil Asas Ikan Hiasan - Sijil Asas Landskap



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**GALERIA PJH ARAS 4-7,
JALAN P4W PERSIARAN PERDANA PRESINT
462100 PUTRAJAYA
TEL: 03 8891 9000 FAKS: 03 8891 9300
EMAIL: UKK.JPPKK@MOHE.GOV.MY**